

BAB 3

DASAR DAN STRATEGI PEMBANGUNAN PELANCONGAN MENURUT PERSPEKTIF EKONOMI ISLAM

3.1 PENGENALAN

Agama Islam tidak melarang umatnya keluar melancong bagi melawat tempat-tempat yang menarik atau berehat serta mencari ketenangan diri. Malah, Islam menggalak umatnya keluar *mentadabur* alam yang diciptakan Ilahi bagi melihat kebesaran ciptaanNya. Terdapat banyak ayat-ayat al-Quran yang mengalakkan umat Islam pergi melancong atau mengembara. *Firman Allah S.W.T :*

هُوَ الَّذِي جَعَلَ لَكُمْ الْأَرْضَ ذُلُولًا فَأَمْشُوا فِي مَنَاكِبِهَا وَكُلُوا مِنْ رِزْقِهِ
وَإِلَيْهِ النُّشُورُ

Maksudnya : “Dialah yang menjadikan bumi itu bagi kamu, mudah digunakan, Maka berjalanlah di merata-rata ceruk rantaunya, serta makanlah dari rezeki yang dikurniakan Allah dan hanya kepada-Nya-lah kamu (kembali setelah) dibangkitkan.

(Surah al-Mulk(67):15)¹

¹Sheikh Abdullah Basmeih(2001), *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman*, c.12, Darulfikir, h. 1541

Firman Allah S.W.T dalam al-Quran :

قُلْ سِيرُوا فِي الْأَرْضِ فَانظُرُوا كَيْفَ بَدَأَ الْخَلْقَ ثُمَّ اللَّهُ يُنشِئُ
النَّشْأَةَ الْأَخْرَةَ إِنَّ اللَّهَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿٢٠﴾

Maksudnya : “Katakanlah: "mengembaralah di (muka) bumi, maka perhatikanlah bagaimana Allah menciptakan (manusia) dari permulaannya, kemudian Allah akan memulakan ciptaan itu semula (pada hari akhirat) dalam bentuk kejadian yang baru. Sesungguhnya Allah Maha Kuasa atas segala sesuatu.”

(Surah al-‘Ankabūt (29) : 20)²

Pada zaman permulaan Islam, Rasulullah S.A.W dan para sahabat keluar mengembara ke sesuatu destinasi dengan tujuan untuk berdakwah dan mengembangkan agama Islam. Sebelum Rasulullah S.A.W. berhijrah ke Madinah, Baginda telah mengembara ke Ṭā’if untuk berdakwah. Walaubagaimanapun, masyarakat di Ṭā’if tidak menerima dakwah yang dibawa oleh Baginda.³ Para sahabat dan ulama’ terdahulu telah mengembara ke pelusuk dunia bagi megembangkan agama Islam yang dibawa oleh Rasulullah S.A.W. Sebagai contoh, Rasulullah S.A.W. telah mengutuskan Muaz bin Jabal ke Yaman untuk menjawat jawatan Hakim sekaligus melaksanakan tugas menyampaikan risalah Islam disana.⁴

²*Ibid.*, h 1036.

³Ṣo’fī ‘Abd al-Raḥmān al-Mubārakfūrī (2001), *Al-Raḥīku al-Makhtūm : Bahsu fi Ṣirāḥ al- Nabawīyyah*, Riyadh, Uuli Nuhi lī intaj al-Iklāmī, h 129.

⁴Abdul Mu’izz Khattab (2007), *Profil 70 Sahabat Nabi*, (terjemahan daripada kitab *Ashhab an-Naby Shallallahu Alayhi wa Sallam Min al-Muhajirin wa al-Anshar*) Cet kedua, Indonesia, Studia Press, h. 88.

Pelancongan dalam Islam pada dasarnya adalah harus dan dibolehkan. Walaubagaimanapun tujuan, matlamat, sumber kewangan dan aktiviti yang dilakukan ketika melancong boleh menjuruskan kepada kategori hukum seperti makruh, sunat, halal, dan haram.⁵

3.2 PENGERTIAN PELANCONGAN MENURUT PANDANGAN ISLAM

Menurut perspektif Islam, melancong diungkapkan dalam pelbagai istilah antaranya musafir, rehlah, ziarah, melancong (*sīyāḥāh*), umrah dan haji.⁶ Setiap ungkapan dan istilah tersebut mempunyai makna dan tujuannya yang tersendiri.

3.2.1 Musafir

Musafir berasal daripada perkataan Arab *safara* yang membawa maksud pergi, berjalan dan mengembara.⁷ Musafir juga didefinisikan sebagai mengembara ke sesuatu tempat dengan tujuan yang tertentu. Istilah musafir juga terdapat dalam al-Quran dalam *surah al- Mā'idah* ayat 6 :

⁵ Hassan Bahrom, Mahammad Mahyuddin Khalid dan Mohd Ashrof Zaki Yaakob (2010), “Pelancongan Dari Perspektif Islam: Analisis Pendekatan Fiqh” (Prosiding Seminar Pengurusan Hotel dan Pelancongan Islam, Universiti Institut Teknologi Mara (UITM) Shah Alam, 22-23 Jun 2010), h.1-17.

⁶*Ibid.*, h 1-17.

⁷*Ibid.*, h. 2.

وَإِنْ كُنْتُمْ جُنُبًا فَاطَّهَّرُوا^ج وَإِنْ كُنْتُمْ مَرْضَىٰ أَوْ عَلَىٰ سَفَرٍ أَوْ جَاءَ أَحَدٌ
مِّنْكُمْ مِنَ الْغَائِطِ أَوْ لَمَسْتُمُ النِّسَاءَ فَلَمْ تَجِدُوا مَاءً فَتَيَمَّمُوا صَعِيدًا
طَيِّبًا فَامْسَحُوا بِوُجُوهِكُمْ وَأَيْدِيكُمْ^ج مِنْهُ

Maksudnya : “.....Dan jika kamu sakit (tidak boleh kena air) atau dalam pelayaran(musafir) atau salah seorang dari kamu datang dari tempat buang air atau kamu sentuh perempuan sedang kamu tidak mendapat air (untuk berwudhu’ atau mandi) maka hendaklah kamu bertayamum dengan tanah debu yang bersih, ia itu: sapulah muka kamu dan kedua belah tangan kamu dengan tanah-debu itu..”

(surah al-Mā'idah (5): 6)⁸

3.2.2 Ziarah

Ziarah bermaksud lawatan, kunjungan dan perkhunjungan.⁹ Ziarah juga merupakan perkataan Arab yang berasal daripada perkataan *zāra* yang membawa maksud menziarahi, melawat, bertandang.¹⁰ Kebiasaannya masyarakat di Malaysia melakukan ziarah ke rumah saudara mara atau melawat seseorang yang sakit di hospital. Ziarah juga kebiasaannya berlaku pada musim tertentu seperti hari raya Aidilfitri di mana umat Islam saling kunjung mengunjung menziarahi antara satu sama lain.

⁸Sheikh Abdullah Basmeih(2001), *op.cit.*, h. 246.

⁹Noesah Bt Baharom (1997), *op.cit.*, h. 1558.

¹⁰Hassan Bahrom, Mahammad Mahyuddin Khalid dan Mohd Ashrof Zaki Yaakob (2010), *op.cit.*, h 2.

3.2.3 *Rehlah*

Rehlah juga merupakan istilah Arab yang berasal daripada perkataan *Rahalat* yang membawa maksud mengembara, rombongan atau lawatan.¹¹ *Rehlah* juga didefinisikan sebagai berkumpul pada satu-satu tempat atau kawasan sama ada di tepian pantai, hutan lipur, air terjun dan sebagainya sambil menikmati keindahan alam untuk menghilangkan kepenatan bekerja atau berhibur bersama-sama keluarga dan kawan-kawan.¹²

Perkataan *rehlah* juga terdapat dalam al-Quran dalam *surah al-Quraysh* ayat 2 :

إِنَّ لِّفِهِمْ رِحْلَةَ الشِّتَاءِ وَالصَّيْفِ

Maksudnya : (yaitu) kebiasaan aman tenteram perjalanan mereka (menjalankan perniagaan) pada musim sejuk (ke negeri Yaman) dan pada musim panas (ke negeri Syam)

(*surah al-Quraysh* (106):2).¹³

3.2.4 *Sīyāhāh*

Sīyāhāh juga berasal daripada perkataan Arab “*sāhā*” yang membawa maksud mengembara di bumi. *Sīyāhāh* juga bermaksud pengembaraan dan pelancongan manakala *sā’ih* dalam bahasa Arab yang bermaksud pelancong.¹⁴

¹¹Abdul Rauf Dato’ haji Hassan *et al* (2005), *Kamus Bahasa Melayu-Bahasa Arab Bahasa Arab-Bahasa Melayu*, Fajar bakti Sdn Bhd, h. 157.

¹²Hassan Bahrom, Mahammad Mahyuddin Khalid dan Mohd Ashrof Zaki Yaakob (2010), *op.cit.*, h 3.

¹³Sheikh Abdullah Basmeih (2001), *op.cit.*, h. 1732.

¹⁴Abdul Rauf Dato’ haji Hassan *et al* (2005), *op.cit.*

Perkataan *Sīyāhāh* atau *Sā'ih* juga terdapat dalam al-Quran dalam *surah al-Tawbah* ayat 112 :

التَّائِبُونَ الْعَابِدُونَ الْحَامِدُونَ السَّائِحُونَ الرَّاكِعُونَ
السَّاجِدُونَ الَّذِينَ يَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَالنَّاهُونَ عَنِ الْمُنْكَرِ
وَالْحَافِظُونَ لِحُدُودِ اللَّهِ وَكَثِيرٌ مِّنْهُمْ

Maksudnya : “Mereka itu adalah orang-orang yang bertaubat, yang beribadah, yang memuji Allah, yang mengembara (untuk menuntut ilmu dan mengembangkan Islam) yang ruku', yang sujud, yang menyuruh berbuat ma'ruf dan mencegah berbuat munkar serta yang menjaga hukum-hukum Allah. Dan gembirakanlah orang-orang mukmin itu.”

(surah al-Tawbah(9):112)¹⁵

3.2.5 Umrah dan Haji

Umrah merupakan perkataan Arab yang membawa maksud ziarah. Dari sudut *shara'* umrah didefinisikan sebagai pergi ke *Bayt Allāh al-Haram* pada waktu bukan haji untuk menunaikan ibadah tertentu dengan syarat-syarat tertentu.¹⁶ Manakala haji pula bermaksud pergi ke *Bayt Allāh al-Haram* untuk menunaikan ibadah yang khusus dengan syarat-syarat yang khusus.¹⁷

¹⁵Sheikh Abdullah Basmeih (2001), *op.cit.*, h. 460.

¹⁶Mustafā al-Bughā, Mustafā al-Khinn dan Ālī Al-Syarbajī (2004), *Manhaj Fiqh As-Shāfi'e*, disemak oleh Abu Hasan Din Al-Hafiz, Kuala Lumpur, Darul Fajr, h 529.

¹⁷*Ibid.*, h. 529.

Firman Allah dalam al-Quran berkaitan dengan ibadah haji :

فِيهِ آيَاتٌ بَيِّنَاتٌ مَّقَامُ إِبْرَاهِيمَ ^ص وَمَنْ دَخَلَهُ كَانَ آمِنًا ^ط وَلِلَّهِ عَلَى النَّاسِ
حُجُّ الْبَيْتِ مَنِ اسْتَطَاعَ إِلَيْهِ سَبِيلًا ^ج وَمَنْ كَفَرَ فَإِنَّ اللَّهَ غَنِيٌّ عَنِ
الْعَالَمِينَ ﴿٩٧﴾

Maksudnya : “Di situ ada tanda-tanda keterangan yang nyata (yang menunjukkan kemuliannya; di antaranya ialah) maqam Ibrahim, dan barangsiapa masuk ke dalamnya (Baitullah itu) aman tenteramlah dia. Dan Allah mewajibkan manusia mengerjakan haji dengan mengunjungi Baitullah, iaitu sesiapa yang mampu sampai kepadanya. Dan sesiapa yang kufur (ingkarkan kewajipan haji itu) maka sesungguhnya Allah Maha Kaya (tidak berhajatkan sesuatu) dari sekalian mahluk.”

(surah ‘Ali ‘Imran (3):97)¹⁸

Umrah dan haji mempunyai perbezaannya yang tersendiri di mana kedua-duanya merupakan ibadat yang mempunyai unsur keagamaan. Ibadah haji merupakan salah satu rukun Islam yang dilakukan dalam bulan-bulan tertentu sahaja iaitu bulan *Shawwal*, *Dhu al-Qa‘idah* dan sepuluh pertama bulan *Dhu al-Hijjah*. Manakala umrah pula boleh dilakukan sepanjang tahun kecuali pada hari-hari mengerjakan haji bagi yang berniat melakukan haji.¹⁹ Umrah dan haji juga memerlukan pengembaraan seseorang dari satu tempat iaitu dari tempat tinggal ke Makkah, Arab Saudi. Contohnya umat Islam dari

¹⁸Sheikh Abdullah Basmeih (2001), *op.cit.*, h. 144.

¹⁹*Ibid.*, h.530.

Malaysia perlu meninggalkan kediaman mereka selama beberapa hari pergi ke Makkah untuk melaksanakan ibadah haji atau umrah bagi menyahut seruan Ilahi.

Oleh itu, berdasarkan beberapa definisi pelancongan di atas dapat disimpulkan bahawa pelancongan atau melancong ialah pergerakan seseorang dari tempat tinggal kediamannya ke suatu destinasi pilihan dengan tujuan yang pelbagai. Pelancongan Islam merupakan satu aspek yang luas dan tidak hanya untuk tujuan bercuti semata-mata. Ia termasuklah pelancongan berasaskan atau bertujuan untuk urusan perniagaan, kesihatan, sukan, pembelajaran, keagamaan dan lain-lain. Pengembaraan atau seseorang yang keluar daripada tempat kediaman menuju ke satu destinasi pilihan mestilah mempunyai niat dan tujuan yang baik agar ia dapat dikira sebagai ibadah dalam Islam.

3.3 KONSEP PELANCONGAN DALAM ISLAM

Islam tidak menghalang umatnya untuk pergi melancong atau mengembara asalkan tujuannya baik dan tidak bercampur dengan maksiat. Islam sangat menggalakkan umatnya untuk keluar mengembara melihat alam ciptaan Ilahi. Hal ini dikuatkan dengan wujudnya beberapa dalil dalam al-Quran dan Hadith yang menggalakkan umat Islam keluar melancong seperti yang telah di bincangkan di atas. Jika kita lihat pada kisah pengembaraan Nabi Musa *'Alayhi Salam* bersama Nabi Khidir yang telah disematkan dalam *surah al-Kahf* ayat 65 hingga ayat ke 82. Semasa pengembaraan Nabi Musa telah

mempelajari beberapa ilmu yang di miliki oleh Nabi Khidir dan menempuh beberapa peristiwa yang boleh di ambil pengajaran dan iktibar.²⁰

Melancong juga termasuk dalam salah satu daripada sunnah Rasulullah S.A.W. Ketika Baginda berusia dua belas tahun, baginda telah mengikuti bapa saudaranya Abu Talib ke Syria untuk berniaga. Setelah meningkat dewasa, Baginda telah mengunjungi Syria bertujuan untuk berdagang dan berniaga semasa berkhidmat dengan Siti Khadijah seorang pedagang Arab terkenal dan akhirnya menjadi isteri pertama baginda.²¹ Baginda juga sering kali mengunjungi beberapa kota lain di Semenanjung Tanah Arab seperti Bushra, Yaman, Thamah, Habshah dan Jarasy bagi tujuan perniagaan.²²

Selain itu, Semasa Nabi Muhammad menjadi pemerintah di Madinah, baginda dan rombongan orang Islam telah melakukan umrah ke Makkah pada tahun keenam Hijrah. Walaubagaimanapun rombongan Baginda di halang memasuki Makkah pada tahun tersebut sehingga termeterainya perjanjian *Hudaybiyyah* antara orang *Quraysh* dengan orang Islam dan akhirnya membawa kepada pembukaan semula kota Makkah pada tahun kelapan Hijrah.²³

²⁰Abdullah bin Muhammad bin Abdurrahman bin Ishaq Alu Syaikh (2008), *Tafsir Ibnu Kathir*, Jilid 5, c.4, Pustaka Imam Asy-Syafie, h 276-288.

²¹Abu Hikmah Al Husni (1998), *Kisah Kehidupan Nabi Muhammad Rasulullah S.A.W.*, j.1, c.1, Darul Nu'man, h 96.

²²Afzalurrahman (1997), *Muhammad Sebagai Seorang Pedagang*, c.3, Yayasan Swarna Bhumi, Indonesia.

²³Muhammad Sa'id Ramadan al-Buti (2001), *Fiqh Al-Sirah*, j.3, c.4, Kuala Lumpur, Dewan Pustaka fajar, h. 495.

Seterusnya, para ulama' dan ilmuan Islam terdahulu juga keluar melancong dan mengembara ke serata dunia. Contohnya Ibn Batutta seorang pengembara Islam yang hidup pada kurun ke-13 telah mengembara ke lebih 44 buah negara di dunia dan merentasi kawasan seluas kira-kira 73000 batu. Beliau yang di lahirkan di Tangier Maghribi telah memulakan pengembaraan ke Mesir, semenanjung Tanah Arab, negara-negara Parsi, India, Sri Langka, Kepulauan Nusantara dan Negara China sebelum kembali semula ke negara asal beliau.²⁴ Dalam pengembaraannya, beliau telah membuat catatan peribadi di setiap negara-negara yang disinggahi mengenai budaya, cara hidup, pemerintahan, latar belakang tempat, kota-kota yang dilawati dan lain-lain lagi. Beliau dedikasikan catatan tersebut di dalam kitabnya yang terkenal iaitu *al- Rihla*.²⁵

Selain itu, *Imam hujah al- Islam* al- Ghazali juga telah keluar mengembara daripada tanah airnya bertujuan untuk mencari ilmu pengetahuan. Al- Ghazali (450-505 H) (1058-1111M) atau nama sebenar beliau Abu Hamid Muhammad Ibn Muhammad Al-Ghazali dilahirkan pada 450 Hijrah/1058 Masihi telah mendapat pendidikan daripada ramai ulama' terbilang termasuklah berguru dengan al-Juwayni iaitu imam al-Haramayn seorang tokoh agama yang terkenal pada zaman tersebut.²⁶ Beliau yang dilahirkan di daerah Tus Utara 'Iran,²⁷ telah mengembara ke Naysabur untuk berguru dengan al-Juwayni, kemudian beliau mengembara pula ke al-Askar, Baghdad bertemu dengan Nizam al-Mulk, seterusnya mengembara ke Mesir dan kemudian beliau

²⁴Ross E. Dunn (1986), *The Adventure Ibn Batutta : A Muslim Traveler Of The 14th century*, Australia, Groom Helm Ltd.

²⁵*Ibid.*, h 310.

²⁶Syed Nawab' Ali (2010), *Imām Al-Ghazālī : Moral And Religious Teachings*, Kuala Lumpur, A.S.Noordeen.

²⁷Farouk Mitha (2001), *Al-Ghazālī and The Ismailis : A Debate On Reason And Authority In Medieval Islam*, I.B. Tauris & Co Ltd London.

ber'uzlah di Damshiq, Syria. Beliau sempat mengunjungi Makkah untuk melakukan ibadah haji pada 488 H/ 1095 M dan akhirnya beliau pulang ke kampung halamannya di Tus untuk mencurahkan ilmu pengetahuan di Madrasah al-Nizamiyyah.²⁸

Ilmuan terkenal dengan ilmu hadith iaitu Imam al-Bukhari juga telah keluar mengembara bagi mengutip hadith-hadith Rasulullah S.A.W. Beliau di lahirkan di Bukhara²⁹ sebuah daerah di 'Uzbekistan telah memulakan pengembaran bagi menuntut ilmu dengan kunjungan beliau bersama Ibu dan adiknya ke Makkah untuk mengerjakan ibadah haji.³⁰ Setelah selesai mengerjakan haji, penerokaan beliau dalam bidang ilmu telah bermula dan beliau telah mengembara untuk menuntut ilmu sehingga ke Khurasan, al Jibal, bandar-bandar di 'Iraq seperti Baghdad dan Kuffah, semenanjung tanah Arab iaitu Makkah dan Madinah, Sham dan juga negara Mesir.³¹ Begitu juga dengan Imam Muslim tokoh ulama' Hadith terkenal yang hidup satu zaman dengan imam Bukhari³² telah mengembara ke serata pelusuk dunia bagi mengumpulkan hadith-hadith Rasulullah S.A.W. Beliau yang di lahirkan di Naysabur telah mengembara bertujuan untuk menuntut ilmu sehingga ke Damshiq, Syria, Khurasan, Baghdad, 'Iraq, Semenanjung Tanah Arab dan juga negara Mesir.³³

²⁸Mohd Fauzi Hamat (2005), *Ketokohan Al-Ghazālī dalam Bidang Logik*, Kuala Lumpur, Universiti Malaya, h 15-18.

²⁹Salaahud-deen ibn 'Alee ibn 'Abdul Maujood (2005), *The Biography of Imam Bukhaaree*, Translated by Faisal Shafeeq, Riyadh, Darus Salam, h 13.

³⁰*Ibid.*, h 31.

³¹Abū Bakr Aḥmad Ibn 'Alī al-Khāṭib al-Baghdādī (t.t), *Tarīkh Baghdād aw Madīnat al- Salam*, Jilid 2, Beirut Lubnan, Dār Kutub al-'Arābī, h 4.

³²Salahuddin 'Ali Abdul Mawjood (2007), *The Biography Imam Muslim Bin Al-Hajjaj : The Author of Sahih Muslim*, translated by Abū Bakr Ibn Naṣīr, Riyadh, Darus Salam, h 144.

³³*Ibid.*, h 80.

Kesimpulannya, Islam sebuah agama yang syumul tidak menghalang untuk umatnya keluar melancong atau mengembara ke destinasi-destinasi pilihan kerana amalan tersebut juga dilakukan oleh Rasulullah, para sahabat dan juga ulama'-ulama' terkenal dahulu. Matlamat dan tujuan yang baik akan menjadikan pelancongan satu ibadah dan memperolehi ganjaran pahala di sisi Ilahi.

3.4 BUKTI-BUKTI DARI AL-QURAN DAN HADITH BERKAITAN PELANCONGAN

Sumber rujukan utama umat Islam iaitu al-Quran yang di turunkan kepada Nabi Muḥammad S.A.W. telah lama membahaskan berkaitan dengan pelancongan dan pengembaraan. Terdapat banyak ayat-ayat suci al-Quran yang membincangkan berkaitan dengan perkara tersebut antaranya *firman* Allah S.W.T :

قُلْ سِيرُوا فِي الْأَرْضِ ثُمَّ أَنْظِرُوا كَيْفَ كَانَ عَاقِبَةُ الْمُكْذِبِينَ ﴿١١﴾

Maksudnya : "Katakanlah: (wahai Muḥammad) "mengembaralah kamu di muka bumi, Kemudian perhatikanlah bagaimana akibat buruk (yang menimpa) orang-orang yang mendustakan (rasūl-rasūl) itu."

(Surah al-An‘ām (6) :11)³⁴

³⁴*Ibid.*, h. 290.

Firman Allah S.W.T dalam al-Quran :

قُلْ سِيرُوا فِي الْأَرْضِ فَانظُرُوا كَيْفَ كَانَ عَاقِبَةُ الَّذِينَ مِن قَبْلُ ۗ كَانَ أَكْثَرُهُم مُّشْرِكِينَ ﴿٤٢﴾

Maksudnya: “Katakanlah: mengembaralah kamu di muka bumi kemudian lihatlah bagaimana kesudahan orang-orang yang terdahulu (yang telah dibinasakan), kebanyakan dari mereka itu adalah orang-orang yang mempersekutukan (Allah).”

(Surah Ar-Rūm (30) :42)³⁵

Firman Allah S.W.T dalam al-Quran :

قَدْ خَلَتْ مِن قَبْلِكُمْ سُنَنٌ فَسِيرُوا فِي الْأَرْضِ فَانظُرُوا كَيْفَ كَانَ عَاقِبَةُ الْمُكَذِّبِينَ ﴿١٣٧﴾

Maksudnya: “Sesungguhnya telah berlaku sebelum kamu (contoh-contoh kejadian berdasarkan) peraturam-peraturan Allah yang tetap : oleh itu mengembaralah kamu di muka bumi dan perhatikanlah bagaimana akibat orang-orang yang mendustakan (rasul-rasul).”

(Surah ‘Alī ‘Imrān (3) :137)³⁶

Firman Allah S.W.T dalam al-Quran :

قُلْ سِيرُوا فِي الْأَرْضِ فَانظُرُوا كَيْفَ كَانَ عَاقِبَةُ الْمُجْرِمِينَ ﴿٦١﴾

³⁵Ibid., h 1066.

³⁶Ibid., h 155.

Maksudnya: “Katakanlah (wahai Muhammad): "mengembaralah kamu di muka bumi, kemudian perhatikanlah bagaimana buruknya kesudahan orang-orang yang berdosa itu.”

(Surah al- Naml (27): 69)³⁷

Menurut Ibnu Katsir dalam Kitabnya Tafsir Ibnu Katsir mengatakan bahawa ayat ini di tujukan kepada orang-orang kafir agar pergi mengembara melihat kesan hukuman yang ditimpakan oleh Allah S.W.T terhadap umat-umat terdahulu yang mendustakan para Rasul dan ajaran yang dibawa oleh para utusan Allah S.W.T.³⁸

Seterusnya, *firman* Allah S.W.T dalam al-Quran :

أَفَلَمْ يَسِيرُوا فِي الْأَرْضِ فَيَنْظُرُوا كَيْفَ كَانَ عَاقِبَةُ الَّذِينَ مِن قَبْلِهِمْ^ج دَمَّرَ
اللَّهُ عَلَيْهِم^ط وَلِلْكَافِرِينَ أَمْثَلُهَا ﴿١٠﴾

Maksudnya: “Maka tidakkah mereka telah mengembara di muka bumi serta mereka memerhatikan bagaimana akibat orang-orang kafir yang terdahulu dari mereka, Allah telah menghancurkan orang-orang itu, dan orang-orang kafir (yang menurut jejak mereka) akan menerima akibat-akibat buruk seperti itu.”

(Surah Muhammad (47) : 10)³⁹

³⁷*Ibid.*, h 993.

³⁸Abdullah Bin Muhammad Bin Abdurrahman Bin Ishaq Alu Syaikh (2008), *op.cit.*, h. 236.

³⁹Sheikh Abdullah Basmeih (2001), *op.cit.*, h. 1359.

Firman Allah S.W.T lagi dalam al-Quran :

أَفَلَمْ يَسِيرُوا فِي الْأَرْضِ فَيَنْظُرُوا كَيْفَ كَانَ عَاقِبَةُ الَّذِينَ مِن قَبْلِهِمْ^ج
كَانُوا أَكْثَرَ مِنْهُمْ وَأَشَدَّ قُوَّةً وَءِثَارًا فِي الْأَرْضِ فَمَا أَغْنَىٰ عَنْهُمْ مَا كَانُوا
يَكْسِبُونَ ﴿٤٢﴾

Maksudnya: “Selain dari itu, tidakkah mereka telah berjalan dan mengembara di muka bumi, dengan itu tidakkah mereka memerhatikan bagaimana kesudahan orang-orang yang terdahulu dari mereka (yang telah di binasakan dengan sebab dosa-dosanya)?. Orang-orang itu lebih ramai dari mereka, dan lebih dari mereka tentang kekuatan tenaga dan tentang kesan-kesan usaha pembangunan di muka bumi. Dalam pada itu apa yang telah diusahakan oleh orang-orang itu, tidak dapat menolongnya sedikitpun.”

(Surah Al-Mu'min (40) : 82)⁴⁰

Firman Allah S.W.T seterusnya dalam al-Quran :

أَوَلَمْ يَسِيرُوا فِي الْأَرْضِ فَيَنْظُرُوا كَيْفَ كَانَ عَاقِبَةُ الَّذِينَ مِن قَبْلِهِمْ وَكَانُوا
أَشَدَّ مِنْهُمْ قُوَّةً^ج وَمَا كَانَ اللَّهُ لِيُعْجِزَهُ مِن شَيْءٍ فِي السَّمَوَاتِ وَلَا فِي
الْأَرْضِ إِنَّهُ كَانَ عَلِيمًا قَدِيرًا ﴿٤٣﴾

Maksudnya: “(Dan sebagai buktinya) : tidakkah orang-orang yang tidak mahu beriman itu telah mengembara di muka bumi, lalu mereka menyaksikan bagaimana kesudahan orang-orang kafir yang terdahulu dari mereka, sedang orang-orang itu lebih kekuatannya dari mereka?. Dan (sudah tetap) bahawa kekuasaan Allah tidak dapat dilemahkan atau dihalangi oleh sesuatupun samada

⁴⁰Ibid., h 1261.

di langit atau di bumi: Sesungguhnya ia adalah maha mengetahui lagi maha kuasa.”

(Surah al- Fātir (35) : 44)⁴¹

Firman Allah S.W.T lagi dalam al-Quran :

أَفَلَمْ يَسِيرُوا فِي الْأَرْضِ فَتَكُونَ لَهُمْ قُلُوبٌ يَعْقِلُونَ بِهَا أَوْ آذَانٌ يَسْمَعُونَ
بِهَا فَإِنَّهَا لَا تَعْمَى الْأَبْصَارُ وَلَكِنْ تَعْمَى الْقُلُوبُ الَّتِي فِي الصُّدُورِ ﴿٤٦﴾

Maksudnya: “Oleh itu, bukankah ada baiknya mereka mengembara di muka bumi supaya dengan melihat kesan kesan yang tersebut, mereka menjadi orang-orang yang ada hati yang dengannya mereka dapat memahami atau ada telinga yang dengannya mereka dapat mendengar? (tetapi kalaulah mereka mengembara pun tidak juga berguna) kerana keadaan yang sebenarnya bukanlah mata kepala yang buta tetapi yang buta itu ialah mata hati yang ada di dalam dada.”

(Surah Al-Ḥajj (22) : 46)⁴²

Dalam ayat Al-Quran diatas, Allah S.W.T menempelak orang-orang kafir yang tidak mahu beriman walaupun keluar mengembara sekalipun melihat kesan-kesan yang berlaku terhadap umat-umat terdahulu yang tidak mahu beriman nescaya mereka tetap tidak akan beriman kerana mata hati mereka telah tertutup atau buta daripada menerima kebenaran yang hakiki.⁴³

⁴¹Ibid., h 1155.

⁴²Ibid., h 853.

⁴³Abdullah Bin Muhammad Bin Abdurrahman Bin Ishaq Alu Syaikh (2008), *op.cit.*, h 546.

Seterusnya, *Firman* Allah S.W.T berikutnya dalam al-Quran :

هُوَ الَّذِي جَعَلَ لَكُمْ الْأَرْضَ ذُلُولًا فَأَمْشُوا فِي مَنَاكِبِهَا وَكُلُوا مِنْ رِزْقِهِ ۗ

وَإِلَيْهِ النُّشُورُ ﴿١٥﴾

Maksudnya: “Dialah yang menjadikan bumi bagi kamu, mudah digunakan, maka berjalanlah di merata-rata ceruk rantaunya, serta makanlah dari rezeki yang dikurniakan Allah:dan (ingatlah) kepada Allah jualah (tempat kembali kamu sesudah) dibangkitkan hidup semula (maka hargailah nikmatNya dan takutilah kemurkaanNya).”

(Surah al-Mulk (67) : 15)⁴⁴

Dalam ayat ke 15 surah *al-Mulk*, Allah S.W.T menyeru manusia agar berjalanlah ke mana-mana sahaja tempat di atas bumi ini dan makan daripada rezeki Allah yang maha luas serta melimpah ruah yang melebihi daripada keperluan manusia itu sendiri. Hal ini menggambarkan kebesaran serta kekuasaan Allah agar manusia mengabdikan diri kepadaNya.⁴⁵ Kebanyakan dalam ayat-ayat al-Quran diatas, Allah S.W.T menggunakan perkataan *sīrru* dan *yasīrru* yang berasal daripada perkataan *sāra* yang membawa maksud pergi atau berjalan.⁴⁶ Ia merupakan satu perkataan berbentuk suruhan (*feel Amr*) kepada manusia agar keluar mengembara di atas bumi ciptaanNya ini. Berdasarkan maksud ayat-ayat al-Quran di atas juga jelaslah bahawa Allah S.W.T menyeru umat manusia khususnya umat Islam mengembara di muka bumi bagi melihat kesan-kesan tingalan sejarah kaum terdahulu disamping melihat kebesaran kekuasaanNya serta dapat menambahkan keimanan didalam diri umat Islam.

⁴⁴Sheikh Abdullah Basmeih (2001), *op.cit.*, h 1541.

⁴⁵M.Quraish Shihab (2005), *Tafsir Al-Mishbah: Pesan, Kesan dan Keserasian Al-Qur'an*, Jil 14, Jakarta, Lentera Hati, h. 356.

⁴⁶Abdul Rahman Haqy et al (2003) *Kamus Fikir : Arab-Inggeris-Melayu*, cetakan Pertama, Kuala Lumpur, Darul Fikir, h. 195.

Seterusnya, dalam kitab-kitab hadith karangan ulamak-ulamak silam seperti *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, *Ṣaḥīḥ Muslim*, *Sunān Abī Dawud*, *Sunān al-Tirmidzi*, *Sunān al-Nasā'i* dan lain-lain terdapat banyak hadith-hadith Rasulullah S.A.W yang meriwayatkan berkenaan dengan pelancongan, musafir atau pengembaraan. Antara hadith-hadith Rasulullah berkenaan dengan musafir atau melancong adalah seperti berikut :

حَدَّثَنَا عَلِيُّ بْنُ بَحْرٍ بْنِ بَرِّيٍّ، حَدَّثَنَا حَاتِمُ بْنُ إِسْمَاعِيلَ، حَدَّثَنَا مُحَمَّدُ بْنُ عَجَلَانَ، عَنْ نَافِعٍ، عَنْ أَبِي سَلَمَةَ، عَنْ أَبِي سَعِيدٍ الْخُدْرِيِّ، أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: «إِذَا خَرَجَ ثَلَاثَةٌ فِي سَفَرٍ فَلْيُؤَمِّرُوا أَحَدَهُمْ⁴⁷

Maḥmumnya: “Dari Abū Said dan Abū Hurairah r.a mereka berdua berkata : Rasulullah S.A.W bersabda : “ Apabila keluar tiga orang dalam safar (bermusafir) maka hendaklah mereka menunjuk satu orang menjadi amīr(ketua)”.

(Hadith Ḥasan, diriwayatkan oleh Abū Dawud dengan sanad ḥasan)

Seterusnya, hadith Rasulullah S.A.W berkenaan galakkan bermusafir secara berkumpulan atau beramai-ramai :

حَدَّثَنَا عَبْدُ اللَّهِ بْنُ مَسْلَمَةَ الْقَعْنَبِيُّ، عَنْ مَالِكٍ، عَنْ عَبْدِ الرَّحْمَنِ بْنِ حَرْمَلَةَ، عَنْ عَمْرِو بْنِ شُعَيْبٍ، عَنْ أَبِيهِ، عَنْ جَدِّهِ، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: «الرَّاكِبُ شَيْطَانٌ، وَالرَّاكِبَانِ شَيْطَانَانِ، وَالثَّلَاثَةُ رَكْبٌ»⁴⁸

Maḥmumnya: “Dari Amr Ibn Syuib dari bapanya dari abangnya r.a. dia berkata : “Rasulullah S.A.W. bersabda : “ seorang penumpang adalah syaitan, dua orang

⁴⁷Abū Dawud Sulaymān bin al Ash’ath Sijistānī (t.t.), *Sunān Abī Dāwud*, No Ḥadīth 2608, j. 9 kitāb al-Jihad, Riyadh, Maktabah Ma’arif li al-Nasi’I wa Tawji’, h 458.

⁴⁸*Ibid.*, No Ḥadīth 2607, h 458.

penumpang adalah syaitan dan tiga orang penumpang adalah rombongan yang kuat.”

(HR Abū Dawud dengan sanad ṣāḥīḥ)

Rasulullah S.A.W. sangat suka untuk keluar bermusafir pada hari Khamis, Sabda baginda yang berbunyi :

أَخْبَرَنِي إِبْرَاهِيمُ بْنُ الْحَسَنِ قَالَ: حَدَّثَنَا حَجَّاجٌ قَالَ ابْنُ جُرَيْجٍ: أَخْبَرَنِي مَعْمَرٌ، عَنِ الزُّهْرِيِّ، عَنْ عَبْدِ الرَّحْمَنِ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ كَعْبٍ، عَنْ جَدِّهِ، أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ «خَرَجَ فِي غَزْوَةِ تَبُوكَ يَوْمَ الْخَمِيسِ، وَكَانَ يُحِبُّ أَنْ يَخْرُجَ يَوْمَ الْخَمِيسِ»⁴⁹

Maʼfhumnya: “Dari ‘Abd al-Rahman bin ‘Abd Allāh bin Ka’ab, Dari datuknya bahawa Nabī Muḥammad S.A.W keluar dalam peperangan Tabuk pada hari Khamis, dan baginda amat suka keluar pada hari Khamis.”

(Hadis Riwayat an-Nasa’i)

Petikan-petikan hadith Rasulullah S.A.W. di atas membuktikan bahawa Nabi Muhammad juga merupakan seorang pengembara dan keluar mengembara apabila ada tujuan-tujuan tertentu. Baginda juga menggalakkan umatnya keluar mengembara atau bermusafir di samping memberi beberapa panduan dan juga nasihat seperti maksud hadith di atas.

Kesimpulannya, berdasarkan potongan ayat-ayat suci al-Quran dan juga hadith-hadith Rasulullah S.A.W di atas jelaslah bahawa Islam amat menggalakkan umatnya untuk

⁴⁹Abī ‘Abd al-Raḥmān Aḥmad bin Shu‘ayb al-Nasā’i (2001), *Sunān al-Kubra li’ al-Nasā’i*, No Ḥadīth 8734, j. 8, Madrasah al-Risālah, h. 99.

keluar berjalan atau mengembara melihat kebesaran kuasa Ilahi, mengambil pengajaran terhadap peristiwa yang menimpa umat-umat terdahulu dan pelbagai tujuan pelancongan yang lain yang mendapat keredhaan Ilahi.

3.5 PELANCONGAN MENURUT KATEGORI HUKUM ISLAM

Setiap amalan yang dilakukan oleh manusia bergelar *mukallaf* iaitu baligh dan berakal tidak dapat lari dari ketentuan hukum Allah. Amalan yang dilakukan tersebut akan diberikan ganjaran pahala ataupun dosa sebagai balasan dan akan dihitungkan di akhirat kelak. Tingkah laku atau amalan yang dilakukan merangkumi lima kategori hukum utama iaitu Wajib, Sunat, Harus, Makruh dan Haram. Dalam aktiviti melancong atau mengembara, ia juga termasuk dalam lima hukum tersebut berdasarkan matlamat, tujuan dan apa yang dilakukan semasa melancong.

A. Wajib

Wajib merupakan satu hukum yang difardukan keatas seseorang *mukallaf* untuk melakukan sesuatu perkara dan berdosa jika meninggalkannya.⁵⁰ Pelancongan yang dikategorikan sebagai wajib ialah pelancongan yang bertujuan untuk memenuhi tuntutan ibadah seperti ibadah haji di tanah suci Makkah. Ibadah haji merupakan rukun Islam yang kelima dan wajib bagi umat Islam untuk menunaikan ibadah tersebut sekiranya

⁵⁰ Abd al-Karīm Zaidan, (2006), *Al-Wājiz fī Uṣūl al-Fiqh*, Beirut, Lubnan, Madrasah Risālah Nasirun, h 29.

mampu dan memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan.⁵¹ *Firman* Allah S.W.T dalam *surah al-Hajj* :

وَأَذِّنْ فِي النَّاسِ بِالْحَجِّ يَأْتُوكَ رِجَالًا وَعَلَىٰ كُلِّ ضَامِرٍ يَأْتِينَ مِنْ
كُلِّ فَجٍّ عَمِيقٍ ﴿٢٧﴾

Maksudnya: “Dan berserulah umat manusia untuk mengerjakan ibadah haji, niscaya mereka akan datang ke (rumah Tuhan)mu dengan berjalan kaki, dan dengan menunggang berjenis-jenis unta yang kurus, yang datangnya dari berbagai jalan (dan ceruk rantau) yang jauh.”

(Surah al-Hajj (22) : 27)⁵²

Selain itu, pelancongan yang diniatkan sebagai ibadah juga termasuk dalam kategori wajib seperti pergi menuntut ilmu, berjihad di jalan Allah, memenuhi jemputan kenduri kahwin, dan mencari rezeki.⁵³

B. Sunat

Menurut Wahbah al-Zuhayli, sunat merupakan sesuatu perkara atau perbuatan yang dituntut untuk melakukannya dan tidak berdosa jika meninggalkannya.⁵⁴ Pelancongan yang dikategorikan sunat ialah aktiviti pelancongan yang sangat digalakkan untuk dilakukan atau pergi ke tempat yang disunatkan untuk dilawati seperti mengerjakan

⁵¹Muhammad al Zuhri Al Ghomrawy (2005), *Sirrāj al-Waḥḥāj*, c.4, Beirut Lubnan, Dār Kutub al-‘Ilmiyyah, h 149-152.

⁵²Sheikh Abdullah Basmeih (2001), *op. cit.*, h 846.

⁵³Hassan Bahrom, Mahammad Mahyuddin Khalid dan Mohd Ashrof Zaki Yaakob (2010), *op.cit.*, h 8.

⁵⁴Wahbah al-Zuhayli (1999), *Al-Wājiz fī Uṣul al-Fiqh*, Cet.1, Damsyiq, Dār al-Fikri, h 129.

umrah iaitu menziarahi kota suci Mekah dan Madinah, melawat kota-kota bersejarah Islam, melawat Masjid al-Aqsa di Palestin dan sebagainya.⁵⁵ Imam Kamaluddin ibn Humam al Hanafi pernah berkata bahawa menziarahi kubur Nabi Muhammad S.A.W di Madinah adalah merupakan perbuatan sunat paling baik yang menghampiri hukum wajib kepada mereka yang mempunyai waktu (masa lapang).⁵⁶ Melakukan ekspedisi berdakwah juga termasuk dalam kategori sunat kerana ia dapat mengembangkan syiar Islam dan mendapat balasan pahala dari Allah S.W.T.⁵⁷

C. Harus

Harus ialah suatu perkara yang menjadi pilihan kepada *mukallaf* sama ada untuk melakukannya atau meninggalkannya.⁵⁸ Pelancongan yang dikategorikan sebagai harus adalah aktiviti pelancongan yang biasa dilakukan oleh semua orang seperti pelancongan kesihatan untuk mendapatkan rawatan penyakit, menziarah orang sakit, melihat keindahan alam ciptaan Allah, menghubungkan dan merapatkan silaturrahim urusan perniagaan dan lain-lain.⁵⁹ Selain itu, membawa keluarga pergi melancong juga termasuk dalam kategori harus kerana ia dapat mengeratkan hubungan kekeluargaan. Disamping itu, ia juga mampu memulihkan hubungan suami isteri yang retak atau mahu

⁵⁵*Ibid.*, h 8.

⁵⁶Makki, Sayyid Abū Hasānain ‘Abd Allāh ibn ‘Abd al-Raḥmān Al Hāsani Al (1998), *Masruāt lī al-Ziārah wā Ad’īyātūha*, c.1, ttp:tp, h. 7.

⁵⁷Hassan Bahrom, Mahammad Mahyuddin Khalid dan Mohd Ashrof Zaki Yaakob (2010), *op.cit.*, h 8.

⁵⁸ Abd al-Karīm Zaidan (1976), *op.cit.*, h 29.

⁵⁹*Ibid.*, h 8.

bercerai seperti mana program bulan madu kedua anjuran Yayasan Pembangunan Keluarga Terangganu.⁶⁰

D. Makruh

Seterusnya, Makruh pula membawa maksud sesuatu perkara yang dituntut kepada orang *mukallaf* untuk meninggalkannya.⁶¹ Pelancongan yang termasuk dalam kategori makruh ialah aktiviti yang dilakukan tanpa sebab dan tujuan kerana membuang masa dan menbazirkan wang. Selain itu, aktiviti melancong dilakukan ketika berada dalam keadaan tidak berkemampuan dari sudut kewangan atau fizikal juga termasuk dalam kategori makruh.⁶² Pelancongan juga akan menjadi makruh sekiranya perkara-perkara wajib yang perlu didahulukan tidak dipenuhi seperti memberi nafkah keluarga, mengeluarkan zakat dan lain-lain. Begitu juga seseorang yang dibebani hutang menjadi makruh sekiranya melakukan aktiviti melancong kerana wang yang ada sebaiknya digunakan untuk membayar hutang tersebut. Hutang yang tertunggak adalah wajib untuk dilangsaikan segera.⁶³

⁶⁰Kosmo online,
http://www.kosmo.com.my/kosmo/content.asp?y=2010&dt=1117&pub=Kosmo&sec=Negara&pg=ne_09.htm akses pada 3 Mei 2011.

⁶¹Abd al-Karīm Zaidan (1976), *op.cit.*, h 29.

⁶²Hassan Bahrom, Mahammad Mahyuddin Khalid dan Mohd Ashrof Zaki Yaakob (2010), *op.cit.*, h 8.

⁶³*Ibid.*, h 8.

E. Haram

Haram pula ialah suatu perkara yang dituntut kepada orang *mukallaf* untuk meninggalkannya dan berdosa jika melakukannya.⁶⁴ Pelancongan yang termasuk dalam kategori haram ialah aktiviti melancong yang melibatkan perkara-perkara yang diharamkan oleh *shara'* contohnya melancong ke tempat-tempat maksiat seperti pusat perjudian, pusat pelacuran, kelab malam dan lain-lain lagi.⁶⁵ Aktiviti melancong juga boleh termasuk dalam kategori haram sekiranya sumber kewangan yang digunakan untuk pergi melancong daripada sumber atau hasil yang tidak halal seperti wang menang pertaruhan judi, hadiah pelancongan daripada pertandingan tidak halal dan sebagainya.⁶⁶

Selain itu, aktiviti melancong juga boleh terjerumus menjadi haram sekiranya melakukan aktiviti atau perkara haram semasa melancong seperti meminum arak, melangani pelacur, berjudi dan lain-lain lagi. Sekiranya melakukan perkara yang ditegah dalam Islam maka hukumnya adalah haram.⁶⁷

⁶⁴Wahbah al-Zuhaylī (1999), *op.cit.*, h 131.

⁶⁵*Ibid.*, h 8.

⁶⁶*Ibid.*, h 8.

⁶⁷Yusuf Al-Qardhawi (2007), *Halal Dan Haram Dalam Islam*. Mu'amal hamidy (terj), Edisi Baru, Cetakan Kelima, Singapura, Pustaka Islamiyah Pte Ltd, h 41.

3.6 TUJUAN DAN MATLAMAT MELANCONG

Menurut Imam al-Ghazālī dalam kitannya 'Ihya Ulumuddin, beliau membahagikan matlamat atau tujuan keluar musafir atau melancong kepada 4 iaitu musafir kerana menuntut ilmu, musafir kerana ibadah, musafir kerana ada gangguan terhadap agama dan musafir kerana ancaman wabak penyakit.⁶⁸ Niat atau tujuan serta perancangan untuk melancong perlu di fikirkan dahulu sebelum perjalanan di lakukan. Wahbah al-Zuhayli berpandangan bahawa sebelum memulakan sesuatu musafir atau hendak pergi melancong, seseorang itu perlu melakukan ṣolat sunat Istikharah untuk memohon petunjuk dan kebaikan daripada Allah S.W.T kerana hanya Ia mengetahui baik buruk masa hadapan hambanya.⁶⁹

Masyarakat atau individu pada zaman sekarang pergi melancong dengan pelbagai tujuan dan sebab. Antaranya melancong atau mengembara kerana menuntut ilmu, menyertai sesuatu pertandingan sukan, menjalani rawatan perubatan, melihat keindahan alam, hubungan diplomasi dan sebagainya. Kajian ini menghuraikan tujuan dan matlamat melancong seperti berikut :

3.6.1 Menuntut Ilmu

Islam amat menggalakkan umatnya menambah ilmu pengetahuan terutamanya ilmu *farḍu 'ayn* iaitu ilmu-ilmu wajib dipelajari sebagai seorang *mukallaf* dan juga ilmu *farḍu*

⁶⁸Abū Ḥamīd Muḥammad ibn Muḥammad Al-Ghazālī (1967), Ghazālī, Abū Ḥamīd Muḥammad ibn Muḥammad (1967), *Ihyā' 'Ulūm al-Dīn*, J.2, Kaherah, Muassasah al-Ḥalabī, h 313-321.

⁶⁹ Wahbah al-Zuhaylī (1984), *al-Fiqh al-Islamī Wā 'Adillahtuh*, Jil 3, Damshiq, Darul Fikri, h 2407.

kifāyah. Imam al-Ghazālī berkata, Belajarlah ilmu, kerana mempelajari ilmu kerana Allah adalah kebaikan dan menuntut ilmu adalah ibadah, kajiannya seperti tasbih, penyelidikannya seperti jihad, pengajarannya adalah sedekah dan pemberiannya kepada *ahliyyah* adalah pendekatan diri kepada Allah.⁷⁰ Para ulama' terdahulu keluar mengembara ke serata pelusuk dunia untuk menimba ilmu seperti mana yang di lakukan oleh Imam al-Bukhārī⁷¹, Imam Muslim⁷², al-Ghazālī⁷³, Ibn Batutta⁷⁴ dan banyak lagi tokoh ulama' yang lain.

3.6.2 Melihat Keindahan Ciptaan Ilahi

Seterusnya, antara tujuan melancong dilakukan adalah ingin melihat keindahan ciptaan tuhan. Seseorang pengembara sanggup berbelanja besar untuk mengembara ke merata tempat di dunia bertujuan untuk melihat keindahan dan kebesaran ciptaan Ilahi. Hal ini bertepatan dengan *firman* Allah S.W.T dalam al-Quran surah *Al-Mulk*, ayat 15 yang bermaksud :

Maksudnya: "Dialah yang menjadikan bumi bagi kamu, mudah digunakan, maka berjalanlah di merata-rata ceruk rantainya, serta makanlah dari rezeki yang dikurniakan Allah: dan (ingatlah) kepada Allah jualah (tempat kembali kamu sesudah) dibangkitkan hidup semula (maka hargailah nikmatNya dan takutilah kemurkaanNya)."

(Surah Al-Mulk (67) : 15)⁷⁵

⁷⁰Al-Ghazali (2003), *Ringkasan Ihya' Ulumuddin*, ter Zaid Husein Al-Hamid, Cet pertama, Kuala Lumpur, Darul Nu'man, h 4.

⁷¹Abū Bakr Aḥmad Ibn 'Alī al-Khaṭīb al Baghdādī (t.t), *op.cit.*, h 4.

⁷²Salahuddin 'Ali Abdul Mawjood (2007), *op.cit.*

⁷³Mohd Fauzi Hamat (2005), *op.cit.*, h 15-18.

⁷⁴Ross E. Dunn (1986), *op.cit.*

⁷⁵Sheikh Abdullah Basmeih (2001), *op.cit.*, h 1541.

3.6.3 Menunaikan Ibadah Kepada Ilahi⁷⁶

Umat Islam boleh melakukan aktiviti melancongan atau mengembara dan pada masa yang sama melakukan ibadah kepada Allah S.W.T serta mendapat balasan Pahala disisinya. Antaranya ialah melakukan ibadah Haji dan Umrah di tanah suci Makkah.⁷⁷ Selain itu, mengembara dengan tujuan untuk berdakwah juga dikira sebagai satu ibadah di sisi Allah kerana ingin mengembangkan *shi'ār* Islam.

3.6.4 Menghayati Dan Mempelajari Budaya, Adat Resam Dan Agama Sesuatu Tempat

Selain itu, antara tujuan pelancongan yang lain adalah untuk mempelajari budaya dan adat resam serta agama sesuatu masyarakat dalam sesebuah Negara. Contohnya, pelancongan homestay yang dijalankan di Malaysia membolehkan para pelancong dari luar negara datang dan tinggal bersama-sama masyarakat negara kita. Ia secara tidak langsung dapat mempelajari budaya dan adat resam masyarakat Malaysia yang berbilang kaum.⁷⁸

Selain itu, konsep pelancongan masjid seperti yang diperkenalkan oleh Masjid Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dilihat mampu menarik ramai pelancong asing terutama

⁷⁶Asmak Ali dan Fatimah Salleh (2010), "Pelancongan dari Perspektif Islam", (Prosiding Seminar Pengurusan Hotel dan Pelancongan Islam, Universiti Institut Teknologi Mara (UITM) Shah Alam, 22-23 Jun 2010), h.52-63.

⁷⁷*Ibid.*, h 57.

⁷⁸Darina Osman (2003) "Homestay : tarikan baru Industri Pelancongan". Dewan Ekonomi, Julai 2003, h 24-26.

pelancong dari barat datang berkunjung ke Malaysia. Para pelancong tersebut dapat menghayati dan memahami agama Islam sekaligus dapat membersihkan imej Islam yang sebelum ini dipandang negatif terutamanya provokasi daripada media-media barat.⁷⁹

3.6.5 Tujuan Perniagaan

Seterusnya, antara tujuan pelancongan yang lain ialah untuk berniaga serta mengembangkan pasaran dan perniagaan yang dijalankan. Jika kita selusuri sirah, Rasulullah S.A.W dahulu telah keluar mengembara ke Sham (Syria) untuk berniaga ketika Baginda berkhidmat dengan *Saydatina* Khadijah r.a.⁸⁰ Selain itu, sejarah telah membuktikan pada kurun ke 15 Melaka pernah menjadi sebuah pelabuhan mengimport dan mengeksport (*entreport*) terkenal menerima kunjungan pedagang daripada timur tengah iaitu negara-negara Arab, India, Serta Eropah dan juga pedagang daripada Negara China. Para pedagang tersebut telah mengembara dari tanah air mereka datang ke Melaka untuk berniaga dan mengaut keuntungan.⁸¹

3.6.6 Hubungan Diplomatik dan Mengeratkan Silaturrahim.⁸²

Tujuan pelancongan antara lain ialah untuk mengeratkan hubungan silaturrahim dan juga membuat hubungan diplomatik antara sesebuah negara dengan negara lain. Pada Zaman Pemerintahan Rasulullah S.A.W di Madinah, baginda telah menghantar wakil

⁷⁹Raja Norain Hidayah Raja Abdul Aziz (2011) “ Melancong di Masjid”, Harian Metro, Jun 5, h e4-e5.

⁸⁰Abu Hikmah Al Husni (1998), *op.cit.*, h 96.

⁸¹Muhammad Yusoff Hashim (1992), *The Malay Sultanate Of Malacca*, trans by Muzaffar Tate, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka, h 180-202.

⁸²Asmak Ali & Fatimah Salleh (2010), *op.cit.*, h 59.

atau duta ke luar negara seperti Byzantine, Habshah dan lain-lain. Selain itu, kerajaan Islam Cordova ketika pemerintahan *Banī 'Umayyah* juga telah melakukan hubungan diplomatik dengan negara-negara Eropah pada ketika itu.⁸³ Tujuan pelancongan juga dapat mengeratkan hubungan silaturrahim antara sesuatu masyarakat dengan masyarakat yang lain. Ia juga mampu mewujudkan suasana harmoni dan saling hormat menghormati antara satu sama yang lain. *Firman* Allah dalam *surah al-Hujurāt* ayat 13 :

يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِنْ ذَكَرٍ وَأُنْثَىٰ وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا وَقَبَائِلَ
لِتَعَارَفُوا ۗ إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَتَقْوَاهُ ۗ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ خَبِيرٌ ﴿١٣﴾

Maksudnya: “Wahai umat manusia! Sesungguhnya kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan, dan kami telah menjadikan kamu berbagai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu sama lain). Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih taqwanya di antara kamu, (bukan yang lebih keturunan atau bangsanya). Sesungguhnya Allah maha mengetahui, lagi maha mendalam pengetahuannya (akan keadaan dan amal kamu).”

(Surah al-Hujurāt (49) :13)⁸⁴

⁸³*Ibid.*

⁸⁴ Sheikh Abdullah Basmeih (2001), *op.cit.*, h 1387.

3.7 ETIKA PELANCONGAN

Etika pelancongan merupakan satu garis panduan atau peraturan yang perlu dipatuhi oleh para pelancong dalam melakukan pengembaraan. Islam agama yang *shumul* tidak menghalang umatnya untuk keluarga bermusafir atau melancong bagi tujuan beristirehat, menghayati keindahan alam dan lain-lain. Melancong termasuk dalam kategori ibadah dan mendapat balasan pahala di sisi Allah S.W.T. Namun begitu, sekiranya etika pelancongan tidak di patuhi oleh para pengembara, tujuan melancong boleh terpesong dan boleh mengundang kemurkaan Allah S.W.T.

3.7.1 Etika Pelancongan Dalam Al-Quran Dan Hadith

1. Umat Islam di larang bersikap sombong dan angkuh ketika berjalan atau mengembara.⁸⁵ *Firman* Allah S.W.T dalam Al-Quran :

وَلَا تَمْشِ فِي الْأَرْضِ مَرَحًا إِنَّكَ لَنْ تَخْرِقَ الْأَرْضَ وَلَنْ تَبْلُغَ الْجِبَالَ
طُولًا

Maksudnya: “Dan janganlah kamu berjalan di muka bumi ini dengan berlagak sombong, Kerana Sesungguhnya engkau tidak dapat menembus bumi dan engkau tidak akan dapat menyamai setinggi gunung-ganang.”

(Surah Al-Isrā’ (17): 37)⁸⁶

⁸⁵Ahmad Muhammad Yusof.lc (2008), *Himpunan Dalīl Dalam Al-Quran Dan Hadīth*, j.4, Cetakan Kedua, Jakarta, Suara Agung, h 548.

2. Semasa keluar melancong, umat Islam perlulah bersifat rendah hati dan tawaduk.⁸⁷ Allah berfirman dalam al-Quran:

وَعِبَادُ الرَّحْمَنِ الَّذِينَ يَمْشُونَ عَلَى الْأَرْضِ هَوْنًا وَإِذَا خَاطَبَهُمُ
الْجَاهِلُونَ قَالُوا سَلَامًا ﴿٦٣﴾

Maksudnya: “Dan hamba-hamba (Allah) Ar-Rahman (yang di RedhaiNya), ialah mereka yang berjalan di bumi dengan sopan santun dan apabila oran-orang yang berkelakuan kurang adab hadapkan kata-kata kepada mereka, mereka menjawab dengan perkataan yang selamat dari perkara yang tidak diingini.”

(surah al-Furqān (25) : 63)⁸⁸

3. Semasa keluar mengembara, umat Islam diwajibkan melantik seorang ketua rombongan bagi mengetuai ekspedisi atau perjalanan tersebut.⁸⁹ Sabda Rasulullah S.A.W:

حَدَّثَنَا عَلِيُّ بْنُ بَجْرٍ بْنِ بَرِّيٍّ، حَدَّثَنَا حَاتِمُ بْنُ إِسْمَاعِيلَ، حَدَّثَنَا مُحَمَّدُ بْنُ عَجَلَانَ، عَنْ نَافِعٍ، عَنْ أَبِي
سَلَمَةَ، عَنْ أَبِي سَعِيدٍ الْخُدْرِيِّ، أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: «إِذَا خَرَجَ ثَلَاثَةٌ فِي سَفَرٍ
فَلْيُؤَمِّرُوا أَحَدَهُمْ⁹⁰

⁸⁶Sheikh Abdullah Basmeih(2001), *op.cit.*, h. 685.

⁸⁷Ahmad Muhammad Yusof.lc (2008), *op.cit.*, h 552.

⁸⁸Sheikh Abdullah Basmeih(2001), *op.cit.*, h 933.

⁸⁹Ahmad Muhammad Yusof.lc (2008), *op.cit.*, h 556.

⁹⁰Abū Dawud Sulaymān bin al Ash‘ath Sijistānī (t.t.), *op.cit.*, No Ḥadīth 2608, h 458.

Maḥmumnya: “Dari Abū Sa’id dan Abū Hurairah r.a mereka berdua berkata : Rasulullah S.A.W bersabda : “ Apabila keluar tiga orang dalam safar (bermusafir) maka hendaklah mereka menunjuk satu orang menjadi amīr(ketua).”

(Ḥadīth Ḥasan, diriwayatkan oleh Abū Dawud dengan sanad ḥasan)

4. Semasa dalam perjalanan mengembara, umat Islam digalakkan bertakbīr dan bertasbīḥ memuji Allah di samping berdoa akan keselamatan perjalanan tersebut.⁹¹

Sabda Rasulullah S.A.W. :

حَدَّثَنَا مُوسَى بْنُ عَبْدِ الرَّحْمَنِ الْكُوَيْطِيُّ قَالَ: حَدَّثَنَا زَيْدُ بْنُ حُبَابٍ قَالَ: أَخْبَرَنِي أُسَامَةُ بْنُ زَيْدٍ، عَنْ سَعِيدِ الْمُقْبَرِيِّ، عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ، أَنَّ رَجُلًا قَالَ: يَا رَسُولَ اللَّهِ، إِنِّي أُرِيدُ أَنْ أُسَافِرَ فَأَوْصِنِي، قَالَ: «عَلَيْكَ بِتَقْوَى اللَّهِ، وَالتَّكْبِيرِ عَلَى كُلِّ شَرْفٍ» ، فَلَمَّا أَنْ وَلَّى الرَّجُلُ، قَالَ: «اللَّهُمَّ اطْوِلْ لَهُ الْأَرْضَ، وَهَوِّنْ عَلَيْهِ السَّفَرَ» : «هَذَا حَدِيثٌ حَسَنٌ»⁹²

Maḥmumnya: “Dari Abū Hurairah r.a bahwasanya ada seorang laki-laki berkata : wahai Rasulullah sesungguhnya saya hendak berpergian maka berwasiatlah kepadaku : Baginda bersabda : “ hendaklah kamu menjaga ketakutan kepada Allah dan Bertakbīr pada setiap tanjakan.” Maka tatkala orang itu pergi baginda berdu’a : “ Ya Allah persingkatlah jarak yang jauh itu untuknya dan mudahkanlah perjalanan itu baginya.”

(HR Tirmidzi, dia berkata: “Hadith Hasan.”)

⁹¹ *Ibid.*, h 566.

⁹² Al-Ḥafīz Muḥammad ibn ‘Isā ibn Sawrah al-Tirmizī (t.t.), *Sunān al-Tirmizī*, kitab al Da‘awat, No Ḥadīth 3445, Riyadh, Maktabah al-Ma‘arif lī al-Nasai’I wa Tawjiq, h 783.

3.7.2 Etika Pelancongan dengan Allah, Manusia dan Alam Sekitar

Hasan Bahrom telah membahagikan etika pelancongan kepada tiga bahagian di mana setiap pelancong terutamanya Muslim harus mematuhi iaitu etika dengan Allah S.W.T, etika sesama manusia, dan etika dengan alam sekitar.⁹³

3.7.2.1 Etika Dengan Allah S.W.T.

Sebagai seorang Muslim dan beriman kepada Allah, manusia tidak dapat lari daripada tuntutan hamba yang telah difardukan oleh Allah S.W.T. walaupun berada dalam apa jua keadaan pun. Ketika keluar melancong etika dan hak-hak manusia kepada Allah tidak harus dilupakan agar pengembaraan atau ibadah melancong tersebut mendapat keredhaan dari Ilahi. Antara etika pelancongan yang berkaitan dengan Sang Pencipta ialah :

I. TUJUAN DAN MATLAMAT YANG BETUL.⁹⁴

Dalam setiap perbuatan yang hendak dilakukan mestilah bermula dengan niat. Hal ini bertepatan dengan hadith Nabi Muhammad S.A.W yang bermaksud :

حَدَّثَنَا الْحُمَيْدِيُّ عَبْدُ اللَّهِ بْنُ الزُّبَيْرِ، قَالَ: حَدَّثَنَا سُفْيَانُ، قَالَ: حَدَّثَنَا يَحْيَى بْنُ سَعِيدٍ الْأَنْصَارِيُّ، قَالَ: أَخْبَرَنِي مُحَمَّدُ بْنُ إِبْرَاهِيمَ التَّمِيمِيُّ، أَنَّهُ سَمِعَ عَلْقَمَةَ بْنَ وَقَّاصِ اللَّيْثِيِّ، يَقُولُ: سَمِعْتُ عُمَرَ بْنَ الْخَطَّابِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ عَلَى الْمِنْبَرِ قَالَ: سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ: «إِنَّمَا الْأَعْمَالُ

⁹³ Hasan Bahrom, Mohammad Mahyuddin Khalid dan Mohd Ashrof Zaki Yaakob (2010), *op.cit.*, h. 1-17.

⁹⁴ *Ibid.*, h 12.

بِالنِّيَّاتِ، وَإِنَّمَا لِكُلِّ امْرِئٍ مَا نَوَى، فَمَنْ كَانَتْ هِجْرَتُهُ إِلَى دُنْيَا يُصِيبُهَا، أَوْ إِلَى امْرَأَةٍ يَنْكِحُهَا،
فَهِجْرَتُهُ إِلَى مَا هَاجَرَ إِلَيْهِ»⁹⁵

Maʼfhumnya: “Dari Alqamah Bin Waqqāsh Al Lāʼtsī, katanya : aku pernah mendengar ‘Umar Bin Al-Khatthab r.a. sewaktu ia berada di atas mimbar, katanya : Aku mendengar Rasulullah S.A.W. bersabda : “ Bahawasanya semua amalan itu tergantung kepada niat, dan hanyasanya bagi setiap orang itu apa yang diniatkannya. Tegasnya barangsiapa yang hijrahnya kerana keduniaan yang ia ingin memperolehnya, atau kerana wanita yang ia ingin mengahwininya, maka hijrahnya pun dikira atas apa yang ia berhijrah kerananya.”⁹⁶

(Hadīth Riwayat Imām al-Bukhārī)

Hadith mashhur tersebut mengisahkan ketika mana umat Islam Makkah hendak berhijrah ke Madinah dengan tujuan dan niat bukan selain kerana Allah. Jika seseorang tersebut niat berhijrah kerana mahu balasan dunia, maka dia akan dapat apa yang dihajatnya.⁹⁷ Dalam konteks pelancongan, sekiranya ia dilakukan tanpa niat ikhlas semata-mata kerana Allah S.W.T serta mempunyai tujuan dan matlamat yang lain, maka pelancongan tersebut tidak dikira sebagai suatu ibadah dalam Islam.⁹⁸

⁹⁵ Abī ‘ Abd Allāh Muḥammad ibn Ismā‘il al-Bukhārī (t.t), *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, j.1, Kaherah, al-Mitba‘ah al-Silsiyah, h 13.

⁹⁶ Abu Abdillah Muhammad Bin Ismail Al-Bukhari (2006) *Ṣaḥīḥ Bukhārī* (Analisa dan Rumusan : Syed Ahmad Semat), Jilid 1, Singapura, Pustaka Nasional, h 15.

⁹⁷ Mustafa Abdul Rahman (2008), *Hadith 40 : Terjemahan Dan Syarahannya*, Cetakan Baru, Kuala Lumpur, Dewan Pustaka Fajar, h 55.

⁹⁸ Hasan Bahrom, Mohammad Mahyuddin Khalid dan Mohd Ashrof Zaki Yaakob (2010), *op.cit.*, h 12.

II. BERSYUKUR DENGAN NIKMATNYA.⁹⁹

Allah S.W.T menganugerahkan manusia nikmat alam sekitar yang indah dan terbentang luas untuk kemudahan hidup manusia. Melalui aktiviti pelancongan, kita boleh berjalan dan mengembara melihat kejadian alam dan mengambil pelajaran dan iktibar menggunakan nikmat akal dan anggota yang diberikan. Oleh itu, sebagai hambaNya, kita seharusnya sentiasa bersyukur kepada Allah S.W.T dan menghargai segala nikmat tersebut.¹⁰⁰

III. MENJAGA IBADAH.¹⁰¹

وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّ وَالْإِنْسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونِ ﴿٥٦﴾

Maksudnya: “Dan Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan supaya mereka menyembah dan beribadat kepada-Ku”.

(Surah al-Dhāriyāt (51) : 56)¹⁰²

Berdasarkan ayat al-Quran tersebut jelaslah bahawa manusia diciptakan oleh Ilahi semata-mata untuk beribadah kepadaNya. Jika dilihat dari aspek pelancongan, ibadah khusus seperti solat, puasa, zakat dan haji perlulah diberi keutamaan terlebih

⁹⁹*Ibid.*, h 12.

¹⁰⁰*Ibid.*, h 12.

¹⁰¹*Ibid.*, h 12.

¹⁰² Sheikh Abdullah Basmeih(2001), *op.cit.*, h 1411.

dahulu sebelum atau semasa kita melaksanakan aktiviti pelancongan agar pelancongan itu diberikan ganjaran pahala oleh Allah S.W.T.¹⁰³

Semasa aktiviti pelancongan dilakukan, kita tidak seharusnya meninggalkan ibadah-ibadah wajib tersebut terutamanya *şolat* lima waktu. Walaubagaimanapun, umat Islam diberi kelongaran untuk *Jama'* dan *Qaşar* *şolat* lima waktu sekiranya menepati syarat-syaratnya seperti melebihi dua *marḥalah* dan lain-lain.¹⁰⁴

IV. REDHA DENGAN APA YANG BERLAKU.¹⁰⁵

Beriman kepada *Qadha'* dan *Qadar* merupakan satu dari cabang Rukun Iman yang wajib dipegang oleh setiap Muslim. Setiap individu Muslim wajib menerima apa jua kemungkinan yang berlaku dalam hidup kita dengan berlapang dan terbuka. Begitu juga dalam aspek pelancongan, kita seharusnya bersikap berlapang dada dengan apa jua kemungkinan yang berlaku sama ada positif atau sebaliknya dan menerimanya dengan redha terbuka.¹⁰⁶

¹⁰³ Hasan Bahrom, Mohammad Mahyuddin Khalid dan Mohd Ashrof Zaki Yaakob, *op.cit.*, h 12.

¹⁰⁴ Abu Ruwais Al-Syubrawi (2006), *Fatwa Panduan Solat*, Cetakan Pertama, Karya Bestari Sdn Bhd, h 348.

¹⁰⁵ Hasan Bahrom, Mohammad Mahyuddin Khalid dan Mohd Ashrof Zaki Yaakob, *op.cit.*, h 13.

¹⁰⁶ *Ibid.*, h 13.

3.7.2.2 Etika Sesama Manusia.¹⁰⁷

1. Menjaga akhlak dan tingkah laku yang baik

Ketika individu melakukan aktiviti pelancongan, etika akhlak dan tingkah laku perlu di jaga dengan baik seperti sopan santun, hormat menghormati dan tidak menyakiti masyarakat setempat. Dalam konteks pergaulan, had batasan aurat pergaulan juga perlu dijaga antara lelaki dan perempuan agar tidak menyalahi batas-batas *shara'*.¹⁰⁸

3.7.2.3 Etika dengan alam sekitar.¹⁰⁹

i. Menjaga kebersihan 'alam sekitar

Dalam melakukan aktiviti pelancongan, kebersihan alam semulajadi perlu dijaga dan diambil perhatian agar ia tidak tercemar dan kotor. Alam sekitar yang kotor dan tercemar bukan sahaja menyakitkan mata memandang malah ia turut mengundang penyakit berbahaya seperti virus kencing tikus yang menyerang manusia di tempat perangan air terjun yang tercemar.¹¹⁰

¹⁰⁷*Ibid.*, h 14.

¹⁰⁸*Ibid.*, h 14.

¹⁰⁹*Ibid.*, h 15.

¹¹⁰ Berita Harian,

<http://www.bharian.com.my/bharian/articles/LataRenyutdiJelidicemariviruskencingtikus/Article/> akses pada 29 April 2011.

ii. Menjaga adab dan tingkah laku serta menghayati alam sekeliling

Tingkah laku dan adab dengan alam sekitar juga perlu dijaga ketika pergi melancong. Sebagai contoh tidak melakukan maksiat dan perkara-perkara terlarang ketika berada di dalam hutan atau tempat peranginan air terjun. Islam menggalakkan pelancong menggunakan pancaindera terutama mata dan akal dalam menghayati keindahan alam yang diciptakan Ilahi.¹¹¹

Firman Allah dalam surah al-Hajj ayat 46 :

أَفَلَمْ يَسِيرُوا فِي الْأَرْضِ فَتَكُونَ لَهُمْ قُلُوبٌ يَعْقِلُونَ بِهَا أَوْ آذَانٌ يَسْمَعُونَ
بِهَا فَإِنَّهَا لَا تَعْمَى الْأَبْصَارُ وَلَكِنْ تَعْمَى الْقُلُوبُ الَّتِي فِي الصُّدُورِ ﴿٤٦﴾

Maksudnya: “Oleh itu, bukankah ada baiknya mereka mengembara di muka bumi supaya dengan melihat kesan-kesan tersebut mereka menjadi orang-orang yang ada hati yang dengannya mereka dapat memahami, atau ada telinga yang dengannya mereka dapat mendengar?(tetapi kalaulah mereka mengembara pun tidak juga berguna) kerana keadaan yang sebenarnya bukanlah mata kepala yang buta, tetapi yang buta itu adalah mata hati yang ada di dalam dada”.

(Surah al-Hajj (22) : 46)¹¹²

iii. Tidak menyakiti dan merosakkan alam flora dan fauna.

Ketika melakukan aktiviti melancong, kita hendaklah menjaga dan tidak menyakiti flora dan fauna. Sebagai pelancong Muslim, kita ditegah merosakkan tanaman dan

¹¹¹ Zulkefli haji Aini (2004): “Pelancongan dalam Islam”, Dewan Agama Dan Falsafah, April 2004, h 22.

¹¹² Sheikh Abdullah Basmeih(2001), *op.cit.*, h 853.

tumbuhan yang hidup subur serta dilarang membunuh atau mencederakan haiwan tanpa sebab kerana ia merupakan satu perbuatan yang zalim.¹¹³

3.7.3 Etika Pelancongan Ibn Battuta

Ibn Battuta merupakan seorang pengembara Muslim yang hidup pada kurun ke 13. Beliau yang di lahirkan di Tangier, Maghribī, telah mengembara ke 44 buah negara di dunia termasuklah Negara India dan China. Beliau telah mengabdikan kisah pengembaraan beliau dengan menulis sebuah kitab yang berjudul *Rihla*.¹¹⁴

Antara etika pelancongan menurut Ibn Battuta ialah :

- Tidak berputus asa, sabar dan bertawakal kepada Allah dalam menghadapi ujian yang mendatang ketika melakukan pengembaraan. Hal ini terbukti apabila Ibn Battuta tabah dan tidak putus asa menghadapi ribut kuat ketika berlayar dengan kapal di lautan. Ibn Battuta juga sabar dan bertawakal kepada Allah dalam menghadapi serangan penyakit maut hitam¹¹⁵ yang telah membunuh ratusan ribu orang.¹¹⁶

¹¹³ Hasan Bahrom, Mohammad Mahyuddin Khalid dan Mohd Ashrof Zaki Yaakob, *op.cit.*, h 15.

¹¹⁴ Ross E. Dunn (1986), *op.cit.*

¹¹⁵ Penyakit misteri yang menyerang manusia ketika zaman Ibn Battuta telah membunuh ratusan ribu nyawa.

¹¹⁶ Ross E. Dunn (2005), *Pengembaraan Ibn Battuta Musafir Islam*, Cetakan Pertama, Universiti Malaya, h 289.

- Menegur dan memperbetulkan perkara yang tidak elok dan menyalahi prinsip *shara'*. Ibn Battuta telah membuat teguran kepada masyarakat yang telah mengabaikan etika pemakaian ketika di tempat mandi awam.¹¹⁷
- Para pelancong haruslah berpakaian sopan dan menutup aurat terutama apabila melancong ke Negara umat Islam.
- Menimba ilmu dan menambahkan ilmu pengetahuan yang bermanfaat ketika melakukan pengembaraan. Ketika Ibn Battuta mengunjungi Makkah bagi melakukan umrah beliau sempat menimba ilmu dan berguru dengan ulama'-ulama' terkenal pada ketika itu.¹¹⁸
- Para pelancong hendaklah menunjukkan sikap yang baik dan peramah terhadap pihak berkuasa dan masyarakat setempat yang dikunjungi tersebut. Ibn Battuta telah menunjukkan sikap yang baik dengan sultan Muḥammad Tughlūq pemerintah kesultanan Delhi sehingga beliau di layan sebagai seorang tetamu kerhormat dan diberikan hadiah yang sangat bernilai.¹¹⁹
- Pelancong mestilah menghormati agama, budaya dan adat resam masyarakat setempat.

¹¹⁷*Ibid.*, h 42-43.

¹¹⁸*Ibid.*, h 57-74.

¹¹⁹*Ibid.*, h 191-221.

3.8 DASAR DAN STRATEGI PEMBANGUNAN PELANCONGAN MENURUT PERSPEKTIF EKONOMI ISLAM

Kehebatan dan membanggunya sesebuah negara biasanya diukur dengan kemajuan dan aktiviti ekonomi yang dijalankan. Kemajuan material dalam perspektif ekonomi moden lebih diutamakan kerana ia melambangkan kemajuan atau kemunduran sesebuah negara tersebut. Negara yang mempunyai kemudahan infranstruktur yang lengkap, mempunyai bangunan yang mencakar langit, sistem-sistem dan teknologi yang canggih akan dikatakan lebih maju berbanding dengan negara yang kurang kemudahan infranstruktur dan sebagainya. Teori Marxis melihat pembangunan hanyalah pembangunan ekonomi yang merupakan sebahagian daripada konsep kebendaan. Begitu juga dengan konsep pembangunan kapitalis yang tidak memberi tempat kepada peranan agama dalam membangunkan ekonomi dan negara.¹²⁰

Walaupun, konsep pembangunan ekonomi menurut perspektif Islam pula adalah berasaskan kepada al-Quran dan juga al-Sunnah. Ia lebih bersifat material dan spiritual merangkumi pembangunan material atau kebendaan, pembangunan manusia atau modal insan, pembangunan sosial, kebudayaan dan sebagainya.¹²¹ Pembangunan dalam Islam lebih menumpukan kepada pembangunan manusia itu sendiri khususnya pembangunan kerohanian. Asas keagamaan yang kukuh akan membawa kepada pembangunan material yang lain selaras dengan tuntutan *shara'* dan nilai agama.

¹²⁰ Surtahman Kastin Hasan & Sanep Ahmad (2005), *Ekonomi Islam: Dasar Dan Amalan*, edisi kedua, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka, h 320.

¹²¹ Joni Tamkin Bin Borhan (2005), "Peranan Pembangunan Ekonomi Berteraskan Islam Dalam Pembinaan Ummah Bertamadun", dalam *Pembangunan Tamadun Ummah Dan Cabarannya*, Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang, h 109.

3.8.1. Asas Falsafah Pembangunan Ekonomi Islam

Pakar-pakar ekonomi telah mengariskan beberapa falsafah sebagai dasar dalam membangun ekonomi Islam iaitu *tawhid rububiyah*, *khilafah*, *tazkiyyah*,¹²² ‘*ubudiyah*¹²³ dan *al-Falah*.¹²⁴ *Tawhid* iaitu keesaan dan kekuasaan Allah meletakkan peraturan-peraturan tentang hubungan Allah S.W.T. dengan manusia dan hubungan manusia sesama manusia.¹²⁵ Manakala *Rububiyah* pula mempercayai dan mengakui keesaan Allah S.W.T. sebagai tuhan yang wajib disembah yang mengatur rezeki kearah kesempurnaan hidup. Segala kekuasaan dan penentu ada pada-Nya bagi semua kehidupan di dunia. Manusia hanya berusaha manakala Allah S.W.T. jualah yang menentukan kegagalan atau kejayaan pembangunan yang dirancangan tersebut.¹²⁶

Falsafah ‘*ubudiyah* pula bermaksud peribadatan iaitu hanya Allah S.W.T. sahaja yang berhak disembah. Oleh itu, segala usaha manusia di dunia hendaklah mendapat keredhaan Allah S.W.T. Jika sekiranya pembangunan yang dijalankan tersebut tidak bertepatan dengan peraturan dan hukum Allah S.W.T. maka ia tidak dikira sebagai ibadah.¹²⁷ Seterusnya, Falsafah *khilafah* ialah manusia merupakan wakil atau khalifah Allah S.W.T. di bumi. Manusia diberi amanah dan bertanggungjawab untuk mentadbir

¹²²Khurshid Ahmad (1980), “Economic Development In A Islamic Framework”, dalam Khurshid Ahmad (ed), *Studies in Islamic Economics*, Leicester, The Islamic Foundation, h 178-179.

¹²³ Surtahman Kastin Hasan & Sanep Ahmad (2005), *op.cit.*, h 322.

¹²⁴Aidit Ghazali (1990), *Development An Islamic Perspective*, Petaling Jaya Selangor, Pelanduk Publications, h 23.

¹²⁵ Joni Tamkin Bin Borhan (2005), *op.cit.*, h 112.

¹²⁶ Surtahman Kastin Hasan & Sanep Ahmad (2005), *op.cit.*, h 322.

¹²⁷*Ibid.*, h 322.

urusan di bumi dalam bidang akhlak, politik, ekonomi dan prinsip-prinsip sosial manusia.¹²⁸

Manakala falsafah *tazkiyyah* ialah tujuan para Nabi dan Rasul yang diutuskan ke dunia ini untuk berperanan dalam penyucian hubungan manusia dengan Allah S.W.T, hubungan manusia dengan manusia, hubungan manusia dengan alam sekitar dan hubungan manusia dengan negara.¹²⁹ Falsafah ini menyarankan manusia agar menjaga hubungan semua makhluk agar dapat menghindarkan diri daripada perkara-perkara yang boleh menghalang keredhaan Ilahi. Seterusnya falsafah *al-falah* atau membawa maksud kejayaan. Kejayaan yang dicapai di dunia ini adalah penyumbang kepada kejayaan di akhirat dengan memperolehi keredhaan Allah S.W.T.¹³⁰ Sekiranya pembangunan yang dilakukan mendapat kejayaan dunia tetapi sebaliknya ia dimurkai Allah S.W.T maka konsep *al-falah* tersebut tidak akan tercapai. Kejayaan sebenar ialah kejayaan hidup di akhirat yang kekal abadi atau lebih tepatnya mendapat syurga Allah S.W.T.

3.8.2 Matlamat Pembangunan Ekonomi Dalam Islam

Setiap pembangunan yang dijalankan mempunyai tujuan dan matlamat yang ingin dicapai. Tujuan utamanya pembangunan dalam Islam adalah untuk mencapai kejayaan di dunia dan di akhirat. Dalam mencapai *al-falah* tersebut, beberapa matlamat

¹²⁸Khurshid Ahmad (1980), *op.cit.*, h 179.

¹²⁹*Ibid.*, h 179.

¹³⁰Aidit Ghazali (1990), *op.cit.*, h 23.

pembangunan dalam Islam telah digariskan oleh para sarjana ekonomi Islam seperti berikut :

1. Pembangunan Modal Insan

Pembangunan modal insan merupakan matlamat utama yang penting dalam dasar pembangunan Islam. Ia bertujuan untuk melahirkan seorang manusia yang mempunyai personaliti yang baik, terpelajar, berpengetahuan serta berkemahiran tinggi dalam pelbagai bidang. Penekanan terhadap aspek pendidikan yang berlandaskan agama Islam dan berorientasikan kerohanian mampu melahirkan modal insan yang seimbang serta mampu membuat keputusan penting dalam pembangunan yang dijalankan.¹³¹ Matlamat pembangunan konvensional tidak terlalu menekankan aspek kerohanian. Pemikiran sekularisme yang memisahkan antara kehidupan dan agama menjadi doktrin utama dalam pembangunan konvensional.¹³² Sekiranya pembangunan modal insan yang seimbang dari aspek kerohanian dan ilmu pengetahuan tidak ditekankan, ia akan memberi kesan yang negatif seperti penyalahgunaan kuasa, rasuah, dan penipuan.

2. Peningkatan Terhadap Pengeluaran yang bermanfaat.

Pertambahan yang berterusan dalam produk keluaran negara dan perkhidmatan merupakan sesuatu yang penting. Ia memberi tumpuan kepada jenis barangan atau perkhidmatan, kualiti, kuantiti dan percampuran yang betul. Pengeluaran dan

¹³¹ Khurshid Ahmad (1980), *op.cit.*, h 181.

¹³² Aidit Ghazali (1990), *op.cit.*, h 64.

perkhidmatan dalam Islam ialah pengeluaran barangan atau perkhidmatan yang berguna kepada manusia menurut *shara'*. Ia bukanlah bertujuan untuk memenuhi semua tuntutan pasaran dan kuasa beli golongan yang kaya dan berada.¹³³

Tingkat penggunaan barangan dalam Islam mempunyai beberapa tahap berbeza. Tahap pertamanya dengan mengutamakan penggunaan barangan keperluan hidup terlebih dahulu. Barangan keperluan hidup merujuk kepada pada barang yang tanpanya boleh memberi kemudahan kepada pengguna tersebut. Kemudian tahap kedua diikuti dengan penggunaan barangan keperluan asas seperti rumah, dan pakaian. Seterusnya, penggunaan barangan kecekapan pada tahap ketiga untuk memudahkan sesuatu urusan seperti telefon dan komputer. Penggunaan barangan keselesaan dibenarkan dalam Islam untuk memberi kesempurnaan dan keselesaan terhadap manusia walaupun tanpanya tidak memberi sebarang kemudahan kepada penggunanya. Manakala pengguna barangan mewah amat tidak digalakkan dalam Islam kerana ia boleh membawa kepada bermegah-megah dan berbangga-bangga seterusnya membawa kepada sifat *riya'* yang diharamkan dalam Islam.¹³⁴

3. Penambahbaikan kualiti hidup.

Pembangunan dalam Islam haruslah kearah untuk memperbaiki taraf kehidupan kepada yang lebih baik, dalam mencapai kebaikan akhlak, moral, ekonomi dan kebajikan sosial

¹³³ Joni Tamkin Bin Borhan (2005), *op.cit.*, h 116.

¹³⁴ Surtahman Kastin Hasan & Sanep Ahmad (2005), *op.cit.*, h 80-81.

masyarakat. Bagi mencapai matlamat tersebut, keutamaan haruslah diberikan kepada perkara-perkara berikut¹³⁵ :

- I) Mewujudkan peluang pekerjaan dengan pelbagai kepentingan termasuklah struktur, teknologi, pelaburan dan pendidikan. Dengan adanya peluang pekerjaan kepada masyarakat, ia mampu meningkatkan taraf hidup dan ekonomi serta kuasa beli disamping mampu mengurangkan masalah pengangguran dan kemiskinan.¹³⁶
- II) Mengadakan satu sistem jaminan sosial yang berkesan yang dapat menjamin keperluan hidup yang asas untuk golongan yang tidak berupaya melibatkan diri dalam pekerjaan atau usaha-usaha mendapatkan nafkah hidup. Mereka yang layak boleh mendapatkan bantuan dan pertolongan masyarakat melalui pelbagai kaedah seperti institusi zakat, hibah, hadiah, dan lain-lain.¹³⁷
- III) Melaksanakan sistem agihan pendapatan dan kekayaan yang adil dan saksama. Jurang perbezaan antara golongan kaya dan golongan yang berada perlu dikurangkan. Disamping itu, wujudnya dasar yang telus dalam meningkatkan taraf hidup dan pendapatan golongan yang miskin. Pengagihan kekayaan bermula dengan pengeluaran barangan dan perkhidmatan sebagaimana yang di sarankan dalam ekonomi Islam. Ia tidak terlalu fokus kepada permintaan tetapi lebih kepada keperluan manusia itu sendiri.¹³⁸

¹³⁵Khurshid Ahmad (1980), *op.cit.*, h 181-182.

¹³⁶Aidit Ghazali (1990), *op.cit.*, h 73.

¹³⁷Joni Tamkin Bin Borhan (2005), *op.cit.*, h 116.

¹³⁸M.A.Mannan (1989), *Economic Development and Social Peace In Islam*, Bangladesh, TA-HA Publishers, h 13.

Selain itu, penambahbaikan ini termasuklah pembaikan corak penggunaan daripada haram, membazir dan mewah kepada memadai serta kesederhanaan. Keselamatan dan penawaran yang cukup melalui pengangkutan yang baik, perlindungan pengguna melalui institusi al-hisba dan kestabilan harga khususnya bagi barangan keperluan asas.¹³⁹

4. Penggunaan Teknologi Baru Dan Terkini

Malamat ini bermaksud penggunaan teknologi yang sesuai dengan keadaan keperluan dalam membangunkan ekonomi selaras dengan aspirasi negara. Proses pembangunan akan dapat bertahan sendiri apabila sesebuah negara itu bebas daripada bantuan negara asing dan dapat menguasai teknologi yang terkini, maju dan hasil ciptaan sendiri. Keutamaan haruslah diberikan kepada usaha-usaha penyelidikan untuk membangunkan teknologi baru dan terkini.¹⁴⁰

5. Pembangunan Yang Seimbang

Pembangunan yang seimbang bermaksud suatu pembangunan yang seimbang dan harmoni di antara wilayah dalam negara serta antara pelbagai sektor termasuklah masyarakat dan ekonomi. Ia bertujuan untuk mencapai jaringan kerjasama dalam pelbagai sektor dalam negara. Contohnya, bagi mewujudkan keseimbangan antara sektor industri dan pertanian. Justifikasi pembangunan sektor industri tersebut mestilah tidak

¹³⁹Surtahman Kastin Hasan & Sanep Ahmad (2005), *op.cit.*, h 333.

¹⁴⁰Joni Tamkin Bin Borhan (2005), *op.cit.*, h 118.

mengabaikan sektor pertanian bagi menjamin kelangsungan penawaran makanan dalam Negara (*food security*).¹⁴¹ Selain itu, pembangunan seimbang dalam Islam juga merangkumi keseimbangan pembangunan antara fizikal dan bukan fizikal seperti pembangunan modal insan, dan pembangunan dari pelbagai aspek yang membawa kepada peningkatan kebajikan melalui penstrukturan semula, serta peningkatan sistem sosial. Ia bertujuan untuk mencapai kejayaan di dunia dan juga kejayaan di akhirat atau *al-falah*.¹⁴²

3.8.3 Pembangunan Pelancongan Menurut Perspektif Islam

Dalam *shari'ah* Islam, setiap perkara yang tiada nas atau dalil dan ijihad ulama tentang pengharamannya adalah harus dan dibolehkan.¹⁴³ Begitu juga dalam konteks pembangunan pelancongan Islam, setiap dasar atau pembangunan yang dijalankan selagi tidak bercangah dengan *shari'ah* Islam serta tidak memberi kemudahan kepada masyarakat adalah dibolehkan. Ia berdasarkan kaedah para ulama' yang menetapkan segala sesuatu yang bersifat duniawi itu asalnya boleh berdasarkan *firman* Allah dalam surah al-Baqarah ayat 29 :

¹⁴¹Aidit Ghazali (1990), *op.cit.*, h 79.

¹⁴² Abulhasan M. Sadeq (2006), "The Meaning Of Economic Development In Islam," in *Development Issues In Islam*, Gombak, International Islamic University Malaysia (IIUM), p 60-61.

¹⁴³Mahmood Zuhdi hj Ab Majid & Paizah Hj Ismail (2006), *Pengantar Pengajian Syariah*, c.2, Kuala Lumpur, Al-Baian Corporation Sdn Bhd, h 45-53.

هُوَ الَّذِي خَلَقَ لَكُمْ مَّا فِي الْأَرْضِ جَمِيعًا ثُمَّ أَسْتَوَىٰ إِلَى السَّمَاءِ
فَسَوَّاهُنَّ سَبْعَ سَمَوَاتٍ وَهُوَ بِكُلِّ شَيْءٍ عَلِيمٌ ﴿٢٩﴾

Maksudnya: “Dia-lah Allah, yang menjadikan untuk kamu segala yang ada di bumi, kemudian ia menuju dengan kehendakNya kea rah bahan-bahan langit, lalu menjadikannya tujuh langit dengan sempurna dan dia Maha mengetahui segala sesuatu.”

(Surah al-Baqarah (2) : 29).¹⁴⁴

Berdasarkan ayat al-Quran tersebut, setiap perkara yang dijadikan oleh Allah di muka bumi ini adalah untuk kegunaan umat manusia. Oleh itu, sesuatu perkara tidak ada pengharaman kecuali dengan naş yang benar lagi tegas, sama ada ia daripada al-Quran, hadith Rasulullah S.A.W. atau *ijmā‘* yang meyakinkan.¹⁴⁵ Oleh itu, asas dan dasar pembangunan pelancongan Islam juga sama seperti pembangunan ekonomi Islam. Hal ini kerana sektor pelancongan merupakan salah satu daripada elemen pemangkin ekonomi negara. Pembangunan pelancongan Islam juga perlu mengambil kira aspek pembangunan spiritual dan tidak terlalu mementingkan pembangunan material. Pembangunan modal insan, kebudayaan dan nilai-nilai agama perlulah diperlihara serta dikekalkan agar wujud keseimbangan antara kedua-duanya.

Walaubagaimanapun, pembangunan pelancongan yang dijalankan adalah dibawah tanggungjawab kerajaan. Kerajaan memainkan peranan yang penting dalam membangunkan industri tersebut agar menepati kehendak yang disarankan Islam.

¹⁴⁴ Sheikh Abdullah Basmeih(2001), *op.cit.*, h 16.

¹⁴⁵ Yusuf Al-Qardhawi (2002), *Seni dan Hiburan Dalam Islam*. Muhammad Baihaqi (terj.), C. Pertama, Kuala Lumpur, Al-hidayah Publishers, h 51-52.

Dengan menggunakan kaedah fiqh *taṣaruf al-imām ‘alā al ra’yah bi maslahah* iaitu kebijaksanaan dan tanggungjawab pemimpin terhadap rakyatnya bergantung pada sesuatu *maslahah*. Imam Shafie menjadikan kaedah ini sebagai nas bagi menyatakan kedudukan dan tanggungjawab imam atau pemimpin terhadap rakyatnya sepertimana tanggungjawab wali terhadap anak yatim.¹⁴⁶ Oleh itu, kerajaan perlulah merangka dan mengubal dasar dan strategi pembangunan pelancongan mengikut keadaan dan *maslahah* yang berlaku serta bertanggungjawab menghindarkan rakyat bawahan daripada mendapat kemurkaan Allah. Justeru, dalam merancang dasar dan strategi pembangunan pelancongan Islam, kajian ini telah mengariskan beberapa perkara seperti berikut :

3.8.3.1 Penyediaan Makanan yang halal

Makanan yang halal merupakan satu elemen penting dalam kehidupan masyarakat Muslim. Setiap pelancong Muslim yang melawat sesuatu destinasi memerlukan sumber makanan yang halal kerana setiap makanan yang di makan akan menjadi darah daging tubuh badan. Hal ini bertepatan dengan *Firman* Allah dalam Surah *Al-Mā'idah* ayat ke-88.

¹⁴⁶Abd al-Raḥmān Ibn Abī Bakr al- Suyūṭī, (1983), *al-Ashbāh wa al-Nazā'ir*, c.1,j.1, Beirut Lubnan, Dār Kutub al-‘Ilmiyah, h 121.

وَكُلُوا مِمَّا رَزَقَكُمُ اللَّهُ حَلَالًا طَيِّبًا ۗ وَاتَّقُوا اللَّهَ الَّذِي أَنْتُمْ بِهِ

مُؤْمِنُونَ ﴿٨٨﴾

Maksudnya: “Dan makanlah dari rezeki yang telah diberikan Allah kepada kamu, iaitu yang halal lagi baik, dan bertakwalah kepada Allah yang kepada-Nya sahaja kamu beriman.”

(Surah al- Mā'idah (5) : 88)¹⁴⁷

Destinasi pelancongan Islam hendaklah menyediakan tempat makan yang halal dan bersih. Kemudahan restoran, medan selera, cafe, dan lain-lain yang menyediakan makanan halal akan memberi kemudahan kepada pelancong Islam untuk mendapatkan makanan tanpa ragu-ragu. Imam Al-Ghazālī sangat menitikberatkan terhadap aspek pemakanan kerana menganggap ia merupakan sebahagian daripada urusan agama Islam itu sendiri.¹⁴⁸

3.8.3.2 Hotel Penginapan Yang Islamik

Konsep hotel penginapan yang Islamik hendaklah mempunyai nilai-nilai patuh *shara'* seperti penyediaan makanan yang halal dan mempunyai pengesahan sijil halal daripada pihak berkuasa agama. Statistik terbaru yang dikeluarkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) sebanyak 366 buah hotel diseluruh Malaysia mempunyai sijil

¹⁴⁷Sheikh Abdullah Basmeih(2001), *op.cit.*, h 274.

¹⁴⁸Abū Ḥamīd Muḥammad ibn Muḥammad Al-Ghazālī (1967), *op.cit.*, h 361.

halal.¹⁴⁹ Selain itu, semua pekerja hotel hendaklah menutup aurat disamping mempamerkan dan mengamalkan etika dan budaya yang baik.¹⁵⁰

Di samping itu, kemudahan surau untuk tetamu hotel dan juga petunjuk arah *qiblah* di dalam setiap bilik perlu disediakan oleh pihak hotel. Pengasingan *floor* atau tingkat khas untuk golongan lelaki, wanita dan berkeluarga juga diperlukan. Selain itu, penyediaan kolam renang khas untuk lelaki dan perempuan juga penting bagi mengelakkan percampuran atau *Ikhtilat* yang yang dilarang oleh *Shara'*.¹⁵¹ Dengan wujudnya hotel penginapan yang Islamik, Ia dapat memberi alternatif baru kepada pelancong terutamanya pelancong Muslim dalam memilih kemudahan penginapan di sesebuah destinasi pelancongan.

3.8.3.3 Hiburan Malam Hari (*Night Life*) yang terkawal dan tidak melampau.

Islam tidak melarang umatnya untuk berhibur. Walaubagaimanapun, hiburan tersebut hendaklah tidak melangar batas-batas *shari'ah* dan melalaikan.¹⁵² Kerajaan dan pihak berkuasa hendaklah mengawal pusat-pusat hiburan di destinasi pelancongan seperti Kelab Malam, Disko, Bistro dan sebagainya. Selain itu, garis panduan dan syarat hiburan hendaklah dikuatkuasakan untuk pelancong yang bukan beragama Islam sahaja

¹⁴⁹Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, <http://www.halal.gov.my/v3/index.php/ms/media/berita/14-366-hotel-dan-resort-memiliki-sijil-halal-malaysia> akses pada 13.Januari 2012.

¹⁵⁰Yaakob Che Man et all (2011), "The Implementation of Shariah Compliance Concept Hotel: De Palma Hotel Ampang, Malaysia", 2011 2nd International Conference on Humanities, Historical and Social Sciences, IPEDR vol.17 (2011) IACSIT Press, Singapore, h 138-142.

¹⁵¹*Ibid.*

¹⁵²Yusuf al-Qardawi (2001), *Al-Islam Wa Al-Fan*. Basri Bin Ibrahim al-Azhari (terj.)*Seni menurut Perspektif Islam*, C.Pertama, Johor Baharu, Jahabersa, h 54-95.

dan tidak membenarkan pekerja-pekerja beragama Islam bekerja di pusat hiburan tersebut. Kerajaan haruslah tegas dalam penguatkuasaan undang-undang agar tidak berlaku gejala maksiat di pusat hiburan destinasi pelancongan seperti pelacuran, penyalahgunaan dadah, jenayah dan sebagainya.¹⁵³

3.8.3.4 Kemudahan Asas Yang Lengkap Untuk Pelancong

Sebuah destinasi pelancongan Islam hendaklah membangunkan kemudahan-kemudahan asas yang lengkap untuk pelancong seperti hospital, tandas awam, bilik mandi dan persalinan di kawasan pantai, tempat rehat, restoran atau medan selera, pusat pertanyaan pelancongan dan sebagainya. Sebagai contoh, pada zaman kegemilangan Islam di Sepanyol, kota Cordova telah diakui oleh sarjana-sarjana senibina barat sebagai kota tercantik didunia. Ia mempunyai 600 buah masjid, 900 buah tempat mandi umum, dan 50 buah Hospital.¹⁵⁴

Selain itu, kemudahan tempat beribadah atau surau di tempat-tempat tarikan utama pelancong juga perlu disediakan untuk kegunaan pelancong-pelancong beragama Islam. Hal ini dapat memberi keselesaan dan kemudahan kepada para pelancong Muslim untuk beribadah kepada Allah ketika bercuti atau melancong. Kewujudan pusat ibadah Muslim terutamanya masjid turut dapat dijadikan sebagai salah satu destinasi pelancongan. Ia dapat memberi peluang kepada para pelancong bukan Islam mendekati dan memahami

¹⁵³Mohd Al Hafiz Bin Adnan & Patmawati Hj Ibrahim (2012) “ Strategi Pembangunan Pelancongan Menurut Perspektif Islam” Kertas Kerja Perbentangan di International Seminar on Research On Islamic Studies II (Iris II), Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 15&16 Febuari 2012, h 1-15.

¹⁵⁴Abdul Rahman Hj Abdullah (2007), *Sejarah Dan Tamadun Islam*, Edisi kedua, Alor Star Kedah, Pustaka Darussalam, h 455.

budaya serta ajaran Islam. Pelancongan Masjid merupakan idea baru yang baru pihak pengurusan Masjid Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan 36 buah masjid lain seluruh negara.¹⁵⁵

3.8.3.5 Garis Panduan Etika Berpakaian.

Kerajaan hendaklah menggariskan etika pemakaian kepada pelancong yang berkunjung ke sesuatu destinasi pelancongan Islam. Pelancong asing terutamanya yang bukan beragama Islam seharusnya tidak dibenarkan berpakaian menjolok mata di kawasan seperti di tepi pantai dan tempat-tempat tarikan pelancong. Etika pelancongan yang digariskan oleh Ibn Battuta menegaskan agar para pelancong haruslah berpakaian sopan dan menutup aurat ketika keluar melancong.¹⁵⁶

Penguatkuasaan dan garis panduan etika berpakaian ini perlu diwujudkan di destinasi pelancongan Islam. Hal ini bertujuan untuk menjaga sensitiviti pelancong yang beragama Islam dan masyarakat setempat daripada terlihat aurat dan perkara-perkara maksiat. Disamping itu, ia juga dapat mengelak daripada berlakunya perkara-perkara yang tidak diingini.¹⁵⁷ Selain itu, garis panduan pengaulan dan pencampuran pelancong di tempat-tempat tertentu juga perlu dikeluarkan. Contohnya pengasingan tempat mandi

¹⁵⁵Harian Metro, Mei 22, 2011 : 18 “ Kenali Islam: Pelajar Amerika Ikuti Pelancongan Masjid”.

¹⁵⁶Ross E. Dunn (2005), *op.cit.*, h 42-43.

¹⁵⁷Mohd Al Hafiz Bin Adnan & Patmawati Hj Ibrahim (2012), *op.cit.*, h 12.

antara lelaki dan wanita di kolam renang mahupun laut, pengasingan makanan dan tempat makan antara pelancong muslim dan bukan muslim¹⁵⁸

3.8.3.6 Penjualan Barangan Tidak Halal Dan Perkara Maksiat Perlu Dikawal

Sebuah destinasi pelancongan Islam hendaklah tidak terlibat dengan perkara-perkara yang haram dan maksiat. Ia juga perlu mengawal penjualan barangan yang diharamkan oleh Islam seperti arak, rokok, daging Babi dan lain-lain lagi.¹⁵⁹ Pengharaman barangan tersebut jelas dinyatakan dalam al-quran sepertimana pengharaman Arak dalam *surah al-Mā'idah* ayat 90. *Firman Allah S.W.T :*

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِنَّمَا الْخَمْرُ وَالْمَيْسِرُ وَالْأَنْصَابُ وَالْأَزْلَامُ رِجْسٌ مِّنْ
عَمَلِ الشَّيْطَانِ فَاجْتَنِبُوهُ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ ﴿٩٠﴾

Maksudnya: “Wahai orang-orang yang beriman, bahawa sesungguhnya arak dan judi, dan pemujaan berhala, dan mengundi nasib dengan batang-batang panah, adalah semuanya kotor dan keji dari perbuatan syaitan. Oleh itu hendaklah kamu menjauhinya supaya kamu berjaya.”

(Surah al-Mā'idah (5) : 90)¹⁶⁰

Seterusnya, Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan bagi hal ehwal agama Islam Malaysia kali ke 37 yang bersidang pada tahun 1995 telah memutuskan bahawa

¹⁵⁸ Temubual bersama Syeikh Prof. Dr. Abdul Malik Abdul Rahman Sa'di al Iraqi, mantan Mufti Negara Iraq dan Pensyarah Kuliah Syariah Di WISE Universiti, pada 27 Julai 2012 Jam 10.00am di Amman Jordan.

¹⁵⁹ *Ibid.*,

¹⁶⁰ Sheikh Abdullah Basmeih(2001), *op.cit.*, h 275.

rokok adalah haram di sisi agama Islam.¹⁶¹ Oleh itu, barangan tidak halal tersebut seperti arak dan rokok hanya boleh dijual dipremis-premis tertentu kepada pelancong yang bukan beragama Islam sahaja. Garis panduan dan penguatkuasaan yang tegas perlu dijalankan agar masyarakat setempat dan pelancong yang beragama Islam tidak terlibat dalam perkara tersebut.

3.8.3.7 Sektor Pelancongan Islam Dapat Menyediakan Peluang Pekerjaan Yang Halal Kepada Penduduk Setempat

Sebuah destinasi pelancongan Islam yang berkembang pesat akan membuka banyak peluang pekerjaan kepada penduduk setempat. Penduduk setempat dapat melibatkan diri dalam sektor pelancongan tersebut seperti berniaga, perusahaan penginapan dan hotel, menyediakan perkhidmatan pengangkutan dan lain-lain. Walaubagaimanapun, sektor pekerjaan yang terlibat dengan perkara-perkara haram seperti bekerja di kedai menjual arak, pusat hiburan dan perjudian dan lain-lain perlu dielak daripada mengambil pekerja Muslim.¹⁶²

Para sarjana ekonomi Islam telah mengariskan antara matlamat pembangunan ekonomi ialah peningkatan dan penambahbaikan kualiti hidup. Ia termasuklah wujudnya peluang pekerjaan kepada masyarakat untuk mereka mencari sumber rezeki yang halal serta

¹⁶¹ Jabatan kemajuan Islam Malaysia (Jakim), <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-kebangsaan/merokok-dari-pandangan-islam> akses 2 April 2012.

¹⁶² Mohd Al Hafiz Bin Adnan & Patmawati Hj Ibrahim (2012), *op.cit.*, h 13.

peningkatan dalam sumber pendapatan dan ekonomi penduduk.¹⁶³ Dalam membangunkan sektor pelancongan, mewujudkan peluang pekerjaan yang halal kepada penduduk sangat penting agar dapat menjamin kesejahteraan hidup dan mencapai kejayaan di dunia dan akhirat.

3.8.3.8 Penguatkuasaan Yang Tegas Dan Berterusan

Sebagai sebuah destinasi pelancongan Islam, penguatkuasaan yang tegas perlu dijalankan secara berterusan terhadap undang-undang dan garis panduan yang telah dikeluarkan oleh pihak berkuasa. Sekiranya hanya undang-undang, syarat dan garis panduan sahaja dikeluarkan tanpa penguatkuasaan, pelanggaran undang-undang dan perkara yang tidak diinginkan boleh berlaku. Sebagai contoh, garis panduan larangan pekerja Islam berkerja di kedai menjual arak dan larangan menjual arak kepada pelancong Muslim perlu dikuatkuasakan dengan tegas. Sekiranya penguatkuasaan lemah, perkara sebaliknya boleh berlaku dan akan menjejaskan imej sesebuah destinasi pelancongan Islam.¹⁶⁴

Ia selaras dengan pelaksanaan konsep *institusi al-Hisba* yang di amalkan dalam Pemerintahan Islam. Ia bertujuan untuk mengatur hidup manusia dan mengawal serta melindungi manusia daripada sebarang kemungkaran.¹⁶⁵ Ketika zaman pemerintahan khalifah ‘Umar al-Khattab, peranan *al-Hisba* telah diluaskan bukan sahaja melaksanakan tuntutan hak Allah S.W.T, tetapi turut memberi tumpuan pada aspek

¹⁶³Khurshid Ahmad (1980), *op.cit.*, h 181.

¹⁶⁴ Mohd Al Hafiz Bin Adnan & Patmawati Hj Ibrahim (2012), *op.cit.*, h 13.

¹⁶⁵ Surtahman Kastin Hasan & Sanep Ahmad (2005), *op.cit.*, h 127.

mu'āmalah. Antaranya tugas *al-Hisba* pada ketika itu ialah melarang kafir zimmi meminum dan menjual arak secara terang-terangan.¹⁶⁶ Dalam konteks zaman moden sekarang, institusi *al-Hisba* tersebut boleh diwujudkan sebagai penguatkuasa bagi mengawal perkara-perkara yang bercangah dengan Islam dalam sektor pelancongan.

3.9 KESIMPULAN

Melancong ke sesebuah pusat perlancongan adalah diharuskan dalam Islam. Malah ia sangat digalakkan dalam Islam berdasarkan perbahasan ayat-ayat al-Quran sebelum ini. Islam agama yang *shumul* telah menetapkan ciri-ciri yang tersendiri dalam aspek pelancongan. Ciri-ciri, strategi serta dasar pembangunan pelancongan Islam perlu di ambil kira oleh pihak berkuasa terutamanya pihak pemerintah dalam membangunkan sesebuah destinasi pelancongan. Dengan wujudnya sebuah destinasi pelancongan yang menepati kehendak dan ciri-ciri Islam khususnya di Malaysia, ia dapat dijadikan contoh kepada pusat pelancongan yang lain di seluruh dunia disamping menonjolkan imej baik Islam serta menjadi satu alternatif kepada golongan pelancong Muslim.

¹⁶⁶*Ibid.*, h 129.